




SHARIKAT PERMODALAN KEBANGSAAN BERHAD (4115-H)

LAPORAN TAHUNAN

2009



KANDUNGAN

- 02 Maklumat Korporat
- 03 Lembaga Pengarah
- 04 Penyata Pengerusi
- 10 Statistik Kewangan Kumpulan untuk Lima Tahun
- 11 Penyata Kewangan
- 83 Senarai Hartanah Kumpulan
- 86 Senarai Pemegang Saham Utama
- 88 Notis Mesyuarat Agung Tahunan
Borang Proksi

MAKLUMAT KORPORAT

LEMBAGA PENGARAH

Y.Bhg. Jen. Tan Sri Yaacob Bin Mat Zain (B)
Pengerusi

Ir. Dr. Azman Bin Ahmad
Naib Pengerusi Eksekutif

Saiful Aznir Bin Shahabudin
Pengarah Urusan

Abdul Rahman Bin Teh Mohamed

Ahmad @ Misron Bin Yusof

Hasnah Binti Mohd Salleh

SETIAUSAHA SYARIKAT

Fateh Hanum Bte Khairuddin
(LS 0009093)

JURUAUDIT

Ernst & Young
Level 23A, Menara Milenium
Jalan Damanlela
Pusat Bandar Damansara
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur

PENDAFTAR SAHAM

Shareworks Sdn Bhd
10-1, Jalan Sri Hartamas 8
Sri Hartamas
50480 Kuala Lumpur
Tel: +603 6201 1120
Faks: +603 6201 3121

PEJABAT BERDAFTAR

12th Floor, Menara Perak
No. 24, Jalan Perak
50450 Kuala Lumpur
Tel: +603 2264 5555
Faks: +603 2264 5545

LEMBAGA PENGARAH

JEN. TAN SRI YAACOB BIN MAT ZAIN (B)

Pengerusi

Y.Bhg. Jen. Tan Sri Yaacob Bin Mat Zain (B) dilantik ke Lembaga Pengarah Sharikat Permodalan Kebangsaan Berhad pada 11 November 1997. Beliau adalah seorang Panglima Angkatan Tentera Malaysia, sebelum bersara pada Jun 1993. Antara jawatan utama yang disandang oleh beliau di dalam Angkatan Tentera Malaysia adalah sebagai Panglima Divisyen, Pengarah Bahagian Perisikan Pertahanan, Panglima Tentera Darat dan seterusnya Panglima Angkatan Tentera. Pada masa ini, Jen. Tan Sri Yaacob Bin Mat Zain (B) juga menganggotai beberapa lembaga syarikat awam dan syarikat sendiri berhad seperti SPK-Sentosa Corporation Berhad, Affin Investment Bank Berhad dan Mah Sing Group Berhad.

IR. DR. AZMAN BIN AHMAD

Naib Pengerusi Eksekutif

Ir. Dr. Azman Bin Ahmad dilantik ke Lembaga Pengarah Sharikat Permodalan Kebangsaan Berhad ("SPKB") pada 20 Jun 2002. Beliau adalah seorang Jurutera Awam berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (Kepujian) dari University of Adelaide, Australia dan Ph.D kejuruteraan dari Universiti Malaya. Beliau mempunyai pengalaman selama 27 tahun di dalam industri pembinaan dan korporat. Beliau juga memegang jawatan pengarah di beberapa anak syarikat di dalam Kumpulan SPKB dan beberapa syarikat sendiri berhad yang lain.

SAIFUL AZNIR BIN SHAHABUDIN

Pengarah Urusan

Saiful Aznir Bin Shahabudin dilantik ke Lembaga Pengarah Sharikat Permodalan Kebangsaan Berhad ("SPKB") pada 12 November 2001. Beliau berkelulusan sebagai seorang ahli American Institute of Certified Public Accountants dan adalah seorang ahli Malaysian Institute of Certified Public Accountants. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana dalam bidang Pentadbiran Perniagaan dari University of Chicago dan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dari Western Michigan University, Amerika Syarikat. Sebelum lantikan ini, beliau bertugas sebagai Ketua Eksekutif Encorp Group Sdn Bhd. Beliau juga memegang jawatan pengarah di SPK-Sentosa Corporation Berhad dan beberapa anak syarikat di dalam Kumpulan SPKB.

ABDUL RAHMAN BIN TEH MOHAMED

Pengarah

Abdul Rahman Bin Teh Mohamed dilantik ke Lembaga Pengarah Sharikat Permodalan Kebangsaan Berhad ("SPKB") pada 4 Ogos 1999. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dengan major dalam "Analytical Economics" dari Universiti Malaya. Setelah tamat pengajian, beliau bekerja dengan United Planting Association of Malaysia sebagai Setiausaha dan bertugas dengan organisasi itu selama 23 tahun sehingga persaraannya pada tahun 1999 sebagai Ketua Eksekutif. Pada masa ini, Abdul Rahman Bin Teh Mohamed juga menganggotai Lembaga Pengarah Tropical Hectares Sdn Bhd dan beberapa anak syarikat di bawah Kumpulan SPKB.

AHMAD @ MISRON BIN YUSOF

Pengarah

Ahmad @ Misron Bin Yusof dilantik ke Lembaga Pengarah Sharikat Permodalan Kebangsaan Berhad pada 10 Mac 2000. Beliau adalah seorang jurutera elektrik profesional dan berpengalaman lebih dari 30 tahun dalam bidang pembekalan elektrik dan pengurusan pengilangan. Beliau telah berkhidmat selama 20 tahun dengan Lembaga Letrik Negara dalam jabatan teknikal dan pengurusan. Beliau kemudian dilantik sebagai Pengarah Urusan di Federal Power Sdn. Bhd. dalam tahun 1993 hingga 1998. Selain dari mengendalikan syarikat rundingan pengurusan peribadinya, beliau kini menganggotai Lembaga Pengarah Mechmar Corporation (Malaysia) Berhad dan beberapa syarikat sendiri berhad.

HASNAH BINTI MOHD SALLEH

Pengarah

Hasnah Binti Mohd Salleh dilantik ke Lembaga Pengarah Sharikat Permodalan Kebangsaan Berhad ("SPKB") pada 4 Ogos 1999. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Victoria University of Wellington, New Zealand dan Diploma Perguruan dari Secondary Teachers' College, Auckland, New Zealand. Beliau bertugas sebagai guru sekolah menengah selama 3 tahun sebelum menukar profesyen sebagai pentadbir di Universiti Malaya, di mana beliau bertugas selama 27 tahun. Pada masa ini, selain menjadi Ahli Lembaga Pengarah SPKB, beliau juga menjadi Ahli Lembaga Pengarah beberapa anak syarikat di dalam Kumpulan SPKB. Beliau juga adalah seorang Ahli Institut Perhubungan Raya Malaysia (MIPR) dan ahli Badan Warisan Malaysia.

PENYATA PENGERUSI

ULASAN PRESTASI KUMPULAN

Tahun 2009 adalah satu tahun yang mencabar berikutan terjadinya krisis kewangan dalam bulan September 2008 yang menyaksikan kebanyakan kuasa utama ekonomi dunia terutamanya Amerika Syarikat, negara-negara Eropah dan Jepun menjunam dalam kemelesetan. Ekonomi Malaysia mencatatkan penguncupan bagi tiga suku pertama tahun 2009. Bagaimanapun, dari sudut positif, tanda awal kestabilan kemerosotan global menyaksikan momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia kembali kuat dalam suku keempat yang disokong dengan permintaan kuat dari dalam dan luar negara. Polisi kewangan Bank Negara kekal menyokong aktiviti ekonomi dengan Kadar Dasar Semalaman masih kekal pada kadar 2% bagi keempat-empat suku tahun 2009. Pakej ransangan ekonomi Kerajaan turut memberi kesan positif kepada ekonomi.

Urusniaga Kumpulan menunjukkan semangat yang kuat dan berdepan dengan kekangan situasi ekonomi global dan dalam negara yang amat mencabar. Saya berasa bangga memaklumkan bahawa Bahagian Hartanah dan Bahagian Teknologi Kumpulan tahun ini masih memberi prestasi yang memberangsangkan sementara prestasi Bahagian Pembinaan dan Bahagian Minyak dan Gas lebih baik berbanding tahun lalu, mencatatkan kerugian yang lebih rendah.

Walaupun dengan keadaan pasaran yang sukar, Bahagian Hartanah kita mencatatkan kadar jualan yang menggalakkan dan harga yang lebih baik bagi kesemua projek, terutamanya Cahaya SPK di Shah Alam, Sunway SPK Damansara di Bandar Menjalara dan Ambangan Heights di Sungai Petani. Keadaan ini menggambarkan keupayaan kita untuk memenuhi kehendak dan gaya hidup pembeli rumah yang berubah di samping keyakinan mereka terhadap pembangunan kita.

Bahagian Teknologi kita berjaya mendapat tuntutan untuk memanjang tempoh ("EOT") bagi kontrak Sistem Maklumat Hospital ("HIS") di Hospital Pandan. Sebahagian tuntutan EOT diterima dalam tahun berkenaan sementara bakinya pula diterima pada awal tahun 2010. Tuntutan EOT tersebut, yang mana kosnya telah ditanggung dan dikeluarkan dahulu, memberi sumbangan yang positif kepada pendapatan Kumpulan.

Saya juga bangga memaklumkan Bahagian Pembinaan kita telah mencapai kejayaan yang signifikan dalam arena antarabangsa apabila projek antarabangsa sulung kita di Pulau Al Reem, Abu Dhabi siap. Kita amat berbesar hati apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri turut menyaksikan upacara penyerahan projek Pulau Al Reem ini. Projek ini telah menjadikan kedudukan kita lebih kuat untuk menembusi pasaran antarabangsa, terutamanya di Timur Tengah.

Pemegang-pemegang saham yang dihargai,

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan bagi Syarikat dan Kumpulan yang telah diaudit untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009.

PENYATA PENGERUSI (SAMB.)

Walaupun berdepan dengan suasana urusniaga yang amat mencabar, Bahagian Pembinaan berjaya memperoleh kontrak antarabangsa yang besar pada bulan Julai 2009, iaitu kontrak untuk membina dan menyiapkan 730 unit villa Perkampungan 4 Projek Pembangunan Komuniti Al Falah di Abu Dhabi, Emirate Arab Bersatu yang anggaran nilai sebanyak AED950.2 juta (bersamaan hampir RM904.0 juta).

Seperti yang dilaporkan dahulu, pada lewat tahun 2008, Bahagian Minyak dan Gas telah terlibat dalam industri perkhidmatan penerbangan secara tidak langsung melalui syarikat bersekutunya, bernama Awan Inspirasi Holdings Sdn Bhd dan anak-anak syarikatnya ("kumpulan Awan Inspirasi"). Saya dengan sukacitanya memaklumkan bahawa kumpulan Awan Inspirasi telah beroperasi dengan membanggakan tanpa sebarang kejadian yang tidak diingini semenjak ditubuhkan dan turut mencatatkan keuntungan bagi tahun pertama operasinya.

Bagi mewujudkan dan memberi nilai jangka panjang kepada pemegang saham, Lembaga Pengarah kita akan terus mencari peluang perniagaan yang baik untuk memperluas perniagaan teras kita, baik di dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa, yang mana akan dapat menambah pendapatan kita dan pada masa yang sama menerajui ke fasa pertumbuhan perolehan yang seterusnya.

ULASAN PRESTASI KEWANGAN

Bagi tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 2009, hasil Kumpulan telah meningkat 13% kepada RM386.6 juta berbanding RM342.9 juta pada tahun sebelumnya. Keadaan ini berpunca terutamanya daripada rekod jualan yang menggalakkan bagi projek pembangunan hartanah kita di Cahaya SPK, Sunway SPK Damansara dan Ambangan Heights Bandar Amanjaya.

Walaupun beroperasi dalam persekitaran yang sukar, Kumpulan menunjukkan prestasi yang baik dalam tahun kajian dan mencatatkan keuntungan selepas cukai sebanyak RM49.6 juta berbanding kerugian selepas cukai sebanyak RM40.1 juta yang dialami pada tahun sebelumnya. Pembaikan yang signifikan terutama prestasi Bahagian Hartanah yang cemerlang hasil daripada jumlah jualan yang tinggi dan margin yang lebih baik di samping jumlah kerugian yang lebih rendah dicatatkan oleh Bahagian Pembinaan dan Bahagian Minyak dan Gas. Keuntungan sulung yang dicapai oleh kumpulan Awan Inspirasi dan mendapat kembali tuntutan EOT untuk projek HIS bagi Hospital Pandan turut memberi sumbangan positif kepada pendapatan Kumpulan.

Pendapatan bagi setiap saham untuk tahun 2009 adalah sebanyak 59.9 sen sementara Aset Bersih bagi setiap saham meningkat kepada RM4.81 pada 31 Disember 2009. Kedudukan tunai bersih kekal pada RM100.8 juta sementara nisbah penggearing Kumpulan adalah 0.5 kali pada penghujung tahun 2009 (2008: 0.4 kali).



PENYATA PENGERUSI (SAMB.)

ULASAN OPERASI

BAHAGIAN PEMBINAAN

Dalam tahun kajian, Kumpulan memberi tumpuan kepada menyiapkan kontrak yang sedia ada sementara terus aktif mendapatkan kontrak baru yang berkualiti bagi meningkatkan buku pesannya. Kita berjaya menyiapkan projek antarabangsa pertama kita, Pulau Al Reem dan mendapatkan kontrak yang besar bagi Perkampungan 4 Projek Pembangunan Komuniti Al Falah di Abu Dhabi dan kita akan berusaha dengan giatnya untuk mendapatkan kontrak yang lain.

- **Projek Perkampungan 4 Al Falah** Projek yang bernilai AED950 juta ini yang melibatkan kerja membina dan menyiapkan 730 unit villa bagi Perkampungan 4 Projek Pembangunan Komuniti Al Falah di Abu Dhabi, telah diberikan kepada kita pada bulan Julai 2009. Projek ini dijangka dapat disiapkan dalam 3 seksyen dengan seksyen terakhir dalam tempoh 30 bulan, iaitu pada 9 Julai 2012. Kerja-kerja bagi projek ini telah bermula pada bulan Januari 2010 dan sedang berjalan lancar mengikut jadual. Kita menjangka projek ini dapat disiapkan dan diserahkan mengikut jadual atau lebih awal daripada yang ditetapkan.
- **Projek Putrajaya STP 2 Modul 2** melibatkan kerja-kerja mereka, membina, menyiapkan dan mentauliah loji rawatan kumbahan bersepadu STP2 modul 2 untuk Putrajaya. Bermula dalam bulan Februari 2009, kita membuat kemajuan yang baik bagi projek ini. Kita menjangka dapat menyiapkan dan menyerahkan projek ini seperti yang telah dipersetujui dalam tempoh 24 bulan.
- **Projek Putrajaya 3C6** melibatkan kerja-kerja mereka dan membina dua blok pejabat yang bertempat di Presint 3C6, Putrajaya yang dikenali sebagai Boulevard Square Development. Bermula dalam bulan April 2008, projek ini tertangguh disebabkan oleh kelewatan mendapat kelulusan daripada pihak-pihak yang berkuasa dan beberapa perubahan yang dibuat oleh Klien. Kita berjaya menyiapkan dan menyerahkan projek ini dengan Sijil Siap Kerja dan Pematuhan yang dikeluarkan pada bulan Disember 2009.
- **Projek Pembangunan Al Reem** Projek ini, yang melibatkan kerja-kerja mereka dan membina dua buah blok kediaman, pembangunan komersil dan rekreasi 44 tingkat setiap satu di Pulau Al Reem, Abu Dhabi, dijalankan oleh SPK-Bina Puri JV, usahasama antara anak syarikat kita dan Bina Puri Holdings Bhd dengan masing-masing mempunyai pegangan 70:30. Kita berjaya menyiapkan projek dalam tempoh yang dipersetujui dan telah mula menyerahkan kepada klien pada 17 Januari 2010.



PENYATA PENGERUSI (SAMB.)

BAHAGIAN MINYAK DAN GAS

Bahagian ini memberi tumpuan untuk menyiapkan projek yang sedia ada dalam tahun ini, iaitu:

- **Projek Pembalikmudaan Fasa 2 Terminal Minyak Mentah Miri** Kontrak ini melibatkan kerja-kerja perolehan, membina dan mentauliah Projek Pembalikmudaan Fasa 2 Terminal Minyak Mentah Miri - yang dijalankan di atas "live plant". Pada awalnya dijadual siap pada bulan Julai 2009, kerja-kerja bagi projek ini telah terhenti sementara menunggu perundingan muktamad bagi beberapa perubahan yang dituntut oleh klien. Berikutan penyelesaian yang dicapai bersama klien baru-baru ini, kerja-kerja bagi projek ini telah dimulakan semula pada bulan Mac 2010. Kita menjangka dapat menyiapkan dan menyerahkan projek ini dalam tempoh tujuh bulan.
- **Perkhidmatan Penerbangan Helikopter** Kumpulan Awan Inspirasi dapat menjalankan perkhidmatannya dengan baik tanpa sebarang kejadian yang tidak diingini semenjak memulakan operasinya pada 1 Oktober 2008. Dari segi standard operasi dan keselamatan, ia mematuhi standard yang dikehendaki oleh Jabatan Penerbangan Awam dan lulus pemeriksaan operasi audit yang dijalankan oleh Shell Aviation dan CHC Helicopters. Adalah sesuatu yang membanggakan apabila operasi kumpulan Awan Inspirasi kini diiktiraf sebagai yang terbaik dalam perkhidmatan penerbangan helikopter di rantau Asia Tenggara. Kumpulan ini telah membuat kontrak dengan Eurocopter Malaysia Sdn Bhd untuk membeli empat buah helikopter baru EC225 bagi tatarajah persisiran pantai. Kumpulan ini turut merancang untuk membina "hangar" sendiri di Miri.

BAHAGIAN HARTANAH

Walaupun suasana pasaran yang sukar dan persaingan sengit, kita dengan bangga menyatakan pelancaran projek baru kita mendapat sambutan yang baik. Permintaan yang tinggi untuk hartanah kita ini adalah disebabkan oleh lokasinya yang strategik dan kemudahan yang terancang dengan akses laluan yang mudah dan prasarana yang baik bagi projek pembangunan kita. Ini dapat dicapai melalui pelaburan prasarana, peningkatan rekaan produk dan strategi yang inovatif. Ini juga membuktikan kejayaan hasil daripada usaha yang berterusan untuk mewujudkan nilai tambah kepada bagi pelanggan kita.

- **Ambangan Heights, Sungai Petani, Kedah** Projek ini merupakan projek pembangunan 2.254 ekar bandar baru yang bersepadu meliputi dengan keluasan 300-ekar Pusat Bandar Utama dengan pusat pentadbiran kerajaan, majlis perbandaran, pusat perniagaan dan komersil bagi Bandar Amanjaya. Hari ini, sebanyak 4,062 unit hartanah telah dilancarkan, yang mana 3,359 unit telah disiapkan dan diserahkan kepada pembeli sementara 572 unit lagi dijangka akan siap untuk diserahkan pada penghujung tahun 2010.



PENYATA PENGERUSI (SAMB.)

- **Sunway SPK Damansara, Bandar Menjalara, Kuala Lumpur** Projek ini merupakan usahasama 50:50 dengan Sunway City Berhad di atas tanah seluas 120 ekar. Projek ini merupakan projek pembangunan kediaman bagi pasaran kelas atasan dengan nilai pembangunan kasar ("GDV") melebihi RM800 juta. Parsel pembangunan yang pertama mengandungi 608 unit rumah teres 2 dan 2 1/2 tingkat telah siap dan diserahkan kepada pembeli. Parsel pembangunan yang ke-2 mengandungi 196 unit rumah berkembar telah dilancarkan pada bulan Ogos 2007 dengan anggaran harga jualan sebanyak RM1.9 juta setiap unit. Walaupun dengan harga yang tinggi dalam kawasan prima, lebih daripada 95% unit yang dilancarkan telah terjual pada penghujung tahun. Baki dua parsel tanah berkeluasan kira-kira 25 ekar untuk pembangunan rumah "townhouse" akan dilancarkan pada suku kedua tahun 2010.
- **Cahaya SPK, Shah Alam, Selangor** Dirancang dengan 3,965 unit kediaman dan komersil yang berlatarbelakang suasana alam semulajadi, projek pembangunan rumah ala resort seluas 500-ekar ini akan mempunyai kemudahan kelab yang mempunyai nilai pembangunan kasar ("GDV") sebanyak RM1.65 bilion dalam tempoh masa 11 tahun sehingga tahun 2017. Projek pembangunan bersaiz kecil ini dengan purata 8 unit bagi setiap ekar akan dimajukan dengan memberi perhatian untuk mengekalkan alam semulajadi dengan menggunakan kehijauan dan lanskap semulajadi untuk menggalakkan aktiviti luar dan cara hidup yang sihat di kalangan penghuninya.

Sehingga hari ini, sebanyak 776 unit telah dilancarkan, yang mana sebanyak 699 unit mewakili 90% telah terjual sehingga penghujung tahun. Respons kepada jualan pelancaran amat menggalakkan terutamanya bagi rumah berkembar 2-tingkat yang dilancarkan pada bulan April 2009, yang habis terjual dalam tempoh 2 bulan selepas dilancarkan. Kita yakin akan dapat mengekalkan permintaan yang tinggi bagi produk premium kita yang ditawarkan dalam Cahaya SPK kerana konsep kita yang unik iaitu "kediaman dengan kelainan - hidup dalam persekitaran alam semula jadi".

PROSPEK BAGI 2010

Pemulihan ekonomi global dijangka kekal perlahan dan tidak menentu dalam tahun 2010 ketika ekonomi bangkit daripada kemelesetan yang paling teruk sejak Perang Dunia Kedua. Ekonomi negara-negara maju dijangka mencatatkan pertumbuhan yang sederhana, mengambil kira kadar pengangguran yang tinggi, proses deleveraging yang berterusan dan kelemahan sistem kewangan yang akan terus mengekang aktiviti peminjaman kepada sektor sebenar. Walau bagaimanapun ekonomi Asia dijangka terus mengetuai pemulihan global apabila sumber-sumber asas pertumbuhan menjadi lebih besar, disokong pula oleh peningkatan bagi permintaan domestik dan luaran di samping perdagangan serantau yang semakin baik, terutamanya dengan China. Ekonomi Malaysia dijangka tumbuh antara 4.5% dengan 5.5% berikutan permintaan domestik yang meningkat dan persekitaran luaran yang lebih baik.

Sementara menyadari terdapat banyak cabaran dan ketidaktentuan yang akan dihadapi, kita berkeyakinan Kumpulan akan mempunyai kekuatan untuk menghadapi cabaran yang ada untuk mencapai sasaran matlamat yang telah ditetapkan.

PENYATA PENGERUSI (SAMB.)

Oleh kerana projek pembinaan di dalam negara terbatas, Bahagian Pembinaan akan memberi tumpuan kepada projek pembinaan di Timur Tengah di mana Kumpulan telah berjaya menyiapkan projek pertamanya di Pulau Al Reem dan mendapat kontrak besar yang baru, Projek Pembangunan Komuniti Al Falah. Walaubagaimanapun, kita akan terus berusaha untuk mendapat projek yang berkualiti, baik di dalam mahupun di luar negara, secara terpilih untuk meningkatkan buku pesanan kita.

Kita amat optimis dapat mengekalkan permintaan bagi pilihan produk hartanah Kumpulan yang besar terdiri daripada produk yang mampu milik kepada pasaran bagi golongan pertengahan dan atasan. Kita akan terus berusaha untuk memantapkan daya kompetitif dan kedudukan pasaran Kumpulan di samping mencari kaedah untuk memperbaiki jualan dan margin keuntungan melalui pembangunan inovatif produk, rekaan dan konsep.

Kita juga amat teruja dengan prospek perniagaan Bahagian Minyak dan Gas dalam bidang perkhidmatan penerbangan helikopter yang mana kita berkeyakinan akan memberi sumbangan positif kepada pendapatan Kumpulan berdasarkan hasil pulangan yang tetap dan potensi yang kuat untuk berkembang.

Dengan meletakkan asas yang mantap untuk menghadapi cabaran yang ada dan mengambil kesempatan peluang-peluang yang mungkin muncul daripada urusan teras yang melibatkan Kumpulan, kita yakin prestasi Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010 akan lebih baik.

DIVIDEN

Saya dengan sukacita memaklumkan kepada pemegang saham bahawa Lembaga Pengarah mencadangkan dividen pertama dan muktamad sebanyak 3 sen selepas potongan cukai sebanyak 25% (2.25 sen bersih bagi setiap saham biasa) untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009. Dividen yang dicadangkan adalah tertakluk kepada kelulusan pemegang-pemegang saham pada Mesyuarat Agung akan datang.

PENGHARGAAN

Bagi pihak ahli-ahli Lembaga Pengarah, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pemegang saham, rakan niaga, pelanggan, bank, sub-kontraktor, pembekal dan badan-badan kawalan atas sokongan, kepercayaan dan keyakinan yang tidak berbelah bagi kepada usaha dan aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh Kumpulan. Lembaga Pengarah juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Pengurusan dan anggota kerja Kumpulan di atas kerja keras, dedikasi dan komitmen sepanjang tahun berkenaan. Akhir sekali, saya merakamkan penghargaan kepada ahli-ahli Lembaga Pengarah atas sokongan dan sumbangan yang amat berharga.

Tahun 2010 akan merupakan tahun yang penuh dengan cabaran baru dan semangat, sokongan dan komitmen daripada semua sudah pasti menguatkan kita untuk maju dalam menghadapi cabaran yang akan datang. Bersama, saya yakin kita akan membuat perubahan dan saya optimis tahun 2010 akan menjadi satu lagi tahun yang menarik bagi Kumpulan.



STATISTIK KEWANGAN KUMPULAN untuk Lima Tahun

	2009 RM'000	2008 RM'000	2007 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Pendapatan	381,659	342,906	343,533	402,881	238,251
Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai	51,570	(58,821)	84,433	27,923	10,660
Cukai	(2,654)	(4,344)	(426)	(15,517)	(10,540)
Keuntungan/(kerugian) bagi tahun	48,916	(63,165)	84,007	12,406	120
Keuntungan/(kerugian) yang diagihkan kepada pemegang ekuiti Syarikat	48,106	(40,116)	52,352	4,291	5,076
Modal saham diterbitkan dan dibayar penuh	82,779	82,779	82,779	82,779	82,779
Rizab	313,999	266,167	311,677	261,208	242,883
Ekuiti diagihkan kepada pemegang ekuiti Syarikat	396,778	348,946	394,456	343,987	325,662
Kepentingan minoriti	35,338	55,395	83,070	190,769	195,030
Jumlah ekuiti	432,116	404,341	477,526	534,756	520,692
Jumlah aset	883,380	833,737	812,441	1,070,287	1,032,687
Jumlah liabiliti	451,264	429,396	334,915	535,531	511,995
Keuntungan/(kerugian) setiap saham yang diagihkan kepada pemegang ekuiti Syarikat (sen)	58.1	(48.5)	63.2	5.2	6.1
Dividen kasar setiap saham (sen)	-	3	3	-	5
Aset ketara bersih setiap saham yang diagihkan kepada pemegang ekuiti Syarikat (RM)	4.64	4.03	4.57	3.64	3.27
Aset bersih setiap saham yang diagihkan kepada pemegang ekuiti Syarikat (RM)	4.79	4.22	4.77	4.16	3.93

PENYATA KEWANGAN

- 12 Laporan Para Pengarah
- 15 Penyata Para Pengarah
- 15 Akuan Berkanun
- 16 Laporan Juruaudit
- 18 Penyata Pendapatan
- 19 Lembaran Imbangan
- 21 Penyata Perubahan dalam Ekuiti Disatukan
- 22 Penyata Perubahan dalam Ekuiti Syarikat
- 23 Penyata Aliran Tunai Disatukan
- 25 Penyata Aliran Tunai Syarikat
- 26 Nota-nota kepada Penyata Kewangan

LAPORAN PARA PENGARAH

Para pengarah dengan ini membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009.

KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Syarikat adalah pemegangan pelaburan dan perkhidmatan pengurusan kepada subsidiari-subsidiarinya.

Kegiatan-kegiatan utama subsidiari-subsidiari dinyatakan di Nota 16 kepada penyata kewangan.

Tiada sebarang perubahan ketara dalam kegiatan-kegiatan utama tersebut di sepanjang tahun kewangan ini.

KEPUTUSAN

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan bagi tahun kewangan	48,916	164,480
Pengagihan kepada: Pemegang ekuiti Syarikat	48,106	164,480
Kepentingan minoriti	810	-
	48,916	164,480

Tiada sebarang pemindahan yang penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan di sepanjang tahun kewangan ini.

Pada pendapat para pengarah, keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan semasa tidak dipengaruhi secara ketara oleh sebarang butiran, urusan atau peristiwa yang penting dan luar biasa.

DIVIDEN

Tiada dividen telah dibayar atau diisytihar oleh Syarikat sejak akhir tahun kewangan yang lepas.

Pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang, para pengarah mencadangkan dividen yang pertama dan terakhir untuk tahun kewangan semasa berakhir 31 Disember 2009 sebanyak 3% ditolak 25% cukai ke atas 82,778,643 saham biasa, berjumlah RM1,862,519 (2.25 sen bersih sesaham) untuk diluluskan oleh para pemegang saham. Dividen yang dicadangkan ini tidak diambilkira di dalam penyata kewangan bagi tahun semasa. Dividen tersebut, sekiranya diluluskan oleh para pemegang saham, akan diambilkira di dalam ekuiti pemegang saham sebagai pengasingan keuntungan terkumpul dalam tahun kewangan berikutnya yang berakhir pada 31 Disember 2010.

PARA PENGARAH

Nama-nama pengarah Syarikat yang memegang jawatan sejak tarikh laporan yang terakhir dan pada tarikh laporan ini ialah:

Jen. (B) Tan Sri Yaacob Bin Mat Zain
Ir. Dr. Azman Bin Ahmad
Saiful Aznir Bin Shahabudin
Abdul Rahman Bin Teh Mohamed
Ahmad @ Misron Bin Yusof
Hasnah Binti Mohd Salleh

LAPORAN PARA PENGARAH (SAMB.)

MANFAAT PARA PENGARAH

Pada akhir tahun kewangan atau di sepanjang tahun, tidak terdapat sebarang perjanjian yang mana Syarikat menjadi sebahagian pihak di mana para pengarah Syarikat mendapat manfaat melalui perolehan saham atau debentur Syarikat atau sebarang badan korporat.

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tiada pengarah yang telah menerima atau berhak menerima sebarang manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk dalam jumlah agregat ganjaran yang telah dibayar atau terhutang kepada para pengarah seperti yang dinyatakan di Nota 8 kepada penyata kewangan atau gaji tetap bagi pekerja sepenuh masa Syarikat) melalui kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat berkaitan dengan pengarah atau dengan firma di mana ianya seorang ahli, atau dengan syarikat di mana ia mempunyai kepentingan kewangan yang ketara, kecuali yang dinyatakan di Nota 37 kepada penyata kewangan.

KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Berdasarkan daftar pegangan saham para pengarah, kepentingan para pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan di dalam saham Syarikat dan badan-badan korporat yang berkaitan sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Bilangan Saham Biasa RM1 Setiap Satu			
	1 Januari 2009	Beli	Jual	31 Disember 2009
Syarikat				
Kepentingan Langsung:				
Jen. (B) Tan Sri Yaacob Bin Mat Zain	1,000	-	-	1,000
Ir. Dr. Azman Bin Ahmad	1,000	-	-	1,000
Saiful Aznir Bin Shahabudin	1,000	-	-	1,000
Abdul Rahman Bin Teh Mohamed	1,000	-	-	1,000
Ahmad @ Misron Bin Yusof	1,000	-	-	1,000
Hasnah Binti Mohd Salleh	1,000	-	-	1,000
Kepentingan Tidak Langsung:				
Saiful Aznir Bin Shahabudin	18,873,027	-	-	18,873,027
Subsidiari-subsidiari:				
SPK-Sentosa Corporation Berhad				
Kepentingan Langsung:				
Ahmad @ Misron Bin Yusof	50,000	-	-	50,000
Hasnah Binti Mohd Salleh	10,000	-	-	10,000
Sunshine Bonus Sdn. Bhd.				
Kepentingan Langsung:				
Ir. Dr. Azman Bin Ahmad	49,999	-	-	49,999

Oleh kerana Saiful Aznir bin Shahabudin mempunyai kepentingan di dalam saham Syarikat, beliau juga dianggap mempunyai kepentingan di dalam saham kesemua subsidiari Syarikat setakat kepentingan Syarikat di dalam subsidiari-subsidiari tersebut.

LAPORAN PARA PENGARAH (SAMB.)

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

- (a) Sebelum penyata pendapatan dan lembaran imbangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil tindakan yang sewajarnya untuk:
- (i) memastikan bahawa tindakan telah diambil berkaitan dengan penghapuskiraan hutang lapuk dan dalam membuat peruntukan bagi hutang ragu dan berpuas hati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskira dan peruntukan yang memadai telah dibuat bagi hutang ragu; dan
 - (ii) memastikan bahawa sebarang aset semasa yang mungkin tidak dapat direalisasi mengikut nilai yang dinyatakan dalam rekod-rekod perakaunan dalam urusan biasa telah dikurangkan nilainya kepada hasilaku yang dianggap boleh direalisasi.
- (b) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang akan menyebabkan:
- (i) jumlah yang dihapuskira sebagai hutang lapuk atau jumlah yang diperuntukkan bagi hutang ragu di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak memadai secara ketara; dan
 - (ii) nilai aset semasa di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.
- (c) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang timbul yang boleh menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian yang sedia ada bagi penilaian aset atau liabiliti Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai.
- (d) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang tidak diambilkira di dalam laporan ini atau dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang akan menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan mengelirukan.
- (e) Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:
- (i) sebarang cagaran ke atas aset-aset Kumpulan atau Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti pihak lain; atau
 - (ii) sebarang liabiliti luarjangka Kumpulan atau Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan.
- (f) Pada pendapat para pengarah:
- (i) tiada liabiliti luarjangka atau liabiliti-liabiliti lain yang telah berkuatkuasa atau mungkin dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Kumpulan atau Syarikat untuk menunaikan tanggungannya apabila tiba masanya; dan
 - (ii) tiada butiran, urusan niaga atau peristiwa yang penting dan luar biasa yang timbul dalam tempoh di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini yang mungkin memberi kesan yang besar ke atas keputusan operasi Kumpulan atau Syarikat bagi tahun kewangan di mana laporan ini dibuat.

PERISTIWA-PERISTIWA PENTING DAN SUSULAN

Peristiwa-peristiwa penting di sepanjang tahun kewangan ini dan peristiwa-peristiwa susulan adalah seperti yang dinyatakan di Nota 39 kepada penyata kewangan.

JURUAUDIT

Juruaudit, Tetuan Ernst & Young, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk menerima perlantikan semula.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga menurut resolusi para pengarah bertarikh 21 April 2010.

PENYATA PARA PENGARAH

MENURUT SEKSYEN 169(15) AKTA SYARIKAT 1965

Kami, JEN. (B) TAN SRI YAACOB BIN MAT ZAIN dan SAIFUL AZNIR BIN SHAHABUDIN, dua daripada para pengarah SHARIKAT PERMODALAN KEBANGSAAN BERHAD, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para pengarah, penyata kewangan yang disertakan dari muka surat 18 sehingga 82 telah disediakan menurut peruntukan Akta Syarikat 1965 dan Piawaian Pelaporan Kewangan di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2009 dan keputusan serta aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga menurut resolusi para pengarah bertarikh 21 April 2010.

JEN. (B) TAN SRI YAACOB BIN MAT ZAIN

SAIFUL AZNIR BIN SHAHABUDIN

AKUAN BERKANUN

MENURUT SEKSYEN 169(16) AKTA SYARIKAT 1965

Saya, SAIFUL AZNIR BIN SHAHABUDIN, pengarah yang terutamanya bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan SHARIKAT PERMODALAN KEBANGSAAN BERHAD, dengan takzim dan ikhlas mengaku bahawa penyata kewangan yang disertakan dari muka surat 18 sehingga 82, adalah pada pendapat saya betul, dan saya membuat pengakuan ini sesungguhnya dengan hemat mempercayai bahawa ianya benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya
oleh penama di atas SAIFUL AZNIR BIN
SHAHABUDIN di Kuala Lumpur dalam
Wilayah Persekutuan pada 21 April 2010

SAIFUL AZNIR BIN SHAHABUDIN

Di hadapan saya,

Mohd Radzi Bin Yasin
Pesuruhjaya Sumpah

LAPORAN JURUAUDIT

SHARIKAT PERMODALAN KEBANGSAAN BERHAD (DIPERBADANKAN DI MALAYSIA)

Laporan mengenai penyata kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan SHARIKAT PERMODALAN KEBANGSAAN BERHAD, yang merangkumi lembaran imbangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2009, penyata pendapatan, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai Kumpulan dan Syarikat untuk tahun berakhir pada tarikh tersebut, serta satu ringkasan dasar perakaunan yang penting dan nota-nota lain, seperti yang dibentangkan pada muka surat 18 ke 82.

Tanggungjawab Pengarah ke atas Penyata Kewangan

Para pengarah Syarikat bertanggungjawab dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama menurut Piawaian Pelaporan Kewangan di Malaysia dan Akta Syarikat 1965 di Malaysia. Tanggungjawab ini termasuk: merangka, melaksana dan memastikan kawalan dalaman yang bersesuaian dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan; memilih dan mengguna pakai dasar perakaunan yang bersesuaian; dan dalam keadaan tertentu membuat anggaran perakaunan yang munasabah.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat tentang penyata kewangan berdasarkan audit yang dilaksanakan. Kami telah melaksanakan audit tersebut menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut mewajibkan kami mematuhi tuntutan etika di samping merancang dan melaksanakan audit untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada atau tidak penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Sesuatu audit melibatkan pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung pada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, kami mengambil kira kawalan dalaman yang bersesuaian untuk Syarikat dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman pihak Syarikat. Sesuatu audit juga termasuk penilaian kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh para pengarah, serta penilaian pembentangan penyata kewangan secara keseluruhan.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan di Malaysia dan Akta Syarikat 1965 di Malaysia untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2009 dan prestasi kewangan dan aliran tunai untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

LAPORAN JURUAUDIT (SAMB.)

SHARIKAT PERMODALAN KEBANGSAAN BERHAD (DIPERBADANKAN DI MALAYSIA)

Laporan mengenai keperluan perundangan dan berkanun lain

Menurut keperluan dalam Akta Syarikat 1965 di Malaysia, kami juga melaporkan yang berikut:

- (a) Pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod lain, serta daftar yang wajib disimpan di bawah Akta oleh Syarikat dan subsidiari-subsidiarinya, yang kami bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna selaras dengan peruntukan Akta tersebut.
- (b) Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan subsidiari-subsidiari yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang bersesuaian dan teratur untuk tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan, dan kami telah menerima maklumat yang memuaskan dan keterangan yang diperlukan untuk tujuan tersebut.
- (c) Laporan juruaudit ke atas penyata kewangan subsidiari-subsidiari yang telah disatukan tidak mengandungi sebarang pengecualian atau teguran yang dibuat di bawah Seksyen 174(3) Akta tersebut.

Hal-hal lain

Laporan ini disediakan hanya untuk ahli Syarikat, sebagai satu badan sahaja, selaras dengan peruntukan Seksyen 174 Akta Syarikat 1965 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain berkenaan kandungan laporan ini.

Ernst & Young
AF: 0039
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia
26 April 2010

Habibah Bte Abdul
No. 1210/05/10(J)
Akauntan Bertauliah

PENYATA PENDAPATAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
Pendapatan	3	381,659	342,906	166,964	25,358
Lain-lain pendapatan	4	10,353	12,016	21,253	10,285
Kos kontrak:					
– pembinaan		(124,210)	(189,112)	-	-
– teknologi		(15,157)	(57,778)	-	-
Kos tanah untuk pembangunan dijual	12(a)	(14,055)	(1,875)	-	-
Kos pembangunan hartanah	12(b)	(157,527)	(83,270)	-	-
Kos inventori dijual		(1,709)	(7,122)	-	-
Kos jualan barangan		(4,264)	(3,960)	-	-
Kos perkhidmatan		(89)	(7,994)	-	-
Perbelanjaan pentadbiran		(31,852)	(39,155)	(8,246)	(9,683)
Perbelanjaan jualan dan pemasaran		(3,712)	(3,118)	-	-
Lain-lain perbelanjaan		(15,773)	(11,532)	(11,397)	(6,807)
Keuntungan/(kerugian) operasi		23,664	(49,994)	168,574	19,153
Kos kewangan	5	(3,987)	(4,321)	(17)	(25)
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu		5,347	865	-	-
Bahagian keuntungan/(kerugian) entiti-entiti dikawal bersama		26,546	(5,371)	-	-
Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai	6	51,570	(58,821)	168,557	19,128
Perbelanjaan cukai	9	(2,654)	(4,344)	(4,077)	(5,673)
Keuntungan/(kerugian) bagi tahun		48,916	(63,165)	164,480	13,455
Diagih kepada:					
Pemegang ekuiti Syarikat		48,106	(40,116)	164,480	13,455
Kepentingan minoriti		810	(23,049)	-	-
		48,916	(63,165)	164,480	13,455

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

LEMBARAN IMBANGAN

31 DISEMBER 2009

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
ASET					
Aset tidak semasa					
Hartanah, loji dan peralatan	11	3,791	5,485	818	1,315
Tanah untuk pembangunan	12(a)	283,482	277,954	-	-
Hartanah pelaburan	13	12,800	12,600	12,800	12,600
Bayaran terdahulu pajakan tanah	14	842	856	306	313
Muhibah	15	12,448	15,264	-	-
Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari	16	-	-	490,730	277,159
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	17	39,634	-	-	-
Pelaburan dalam entiti-entiti dikawal bersama	18	49,350	20,472	10,000	10,000
Lain-lain pelaburan	19	367	367	367	277
Aset cukai tertunda	30	-	897	-	-
		402,714	333,895	515,021	301,664
Aset semasa					
Kos pembangunan hartanah	12(b)	87,197	94,113	-	-
Inventori	20	3,814	3,809	-	-
Penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang	21	286,292	256,548	25,718	177,662
Sekuriti boleh dipasarkan	23	2,550	3,366	-	18
Wang tunai dan baki di bank	24	100,813	140,186	3,161	19,599
		480,666	498,022	28,879	197,279
Aset kumpulan pelupusan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan	16(c)(i)	-	1,820	-	-
		480,666	499,842	28,879	197,279
JUMLAH ASET		883,380	833,737	543,900	498,943
EKUITI DAN LIABILITI					
Ekuiti diagihkan kepada pemegang ekuiti Syarikat					
Modal saham	31	82,779	82,779	82,779	82,779
Premium saham	31	4,375	4,375	4,375	4,375
Rizab modal		17	-	-	-
Rizab tukaran matawang asing	32	(206)	85	-	-
Keuntungan terkumpul	33	309,813	261,707	224,164	59,684
		396,778	348,946	311,318	146,838
Kepentingan minoriti		35,338	55,395	-	-
Jumlah ekuiti		432,116	404,341	311,318	146,838

LEMBARAN IMBANGAN (SAMB.)

31 DISEMBER 2009

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
Liabiliti tidak semasa					
Pinjaman jangka panjang	26	69,814	83,213	228	340
Pendapatan tertunda	29	1,789	1,965	646	696
Liabiliti cukai tertunda	30	7,203	7,688	911	861
		78,806	92,866	1,785	1,897
Liabiliti semasa					
Peruntukan	25	11,709	3,498	2,014	2,014
Pinjaman jangka pendek	26	126,087	48,830	112	135
Pemiutang perdagangan dan lain-lain pemiutang	28	232,233	279,751	228,671	348,059
Cukai		2,429	3,628	-	-
		372,458	335,707	230,797	350,208
Liabiliti berkaitan langsung dengan aset yang diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan	16(c)(i)	-	823	-	-
		372,458	336,530	230,797	350,208
Jumlah liabiliti		451,264	429,396	232,582	352,105
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		883,380	833,737	543,900	498,943

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI DISATUKAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

	← Pengagihan Kepada Pemegang Ekuiti Syarikat →					Keuntungan Terkumpul (Nota 33) RM'000	Keuntungan Minoriti RM'000	Jumlah Ekuiti RM'000
	Modal Saham (Nota 31) RM'000	Premium Saham (Nota 31) RM'000	Rizab Modal RM'000	Matawang Asing (Nota 32) RM'000	Rizab Tukaran			
						Jumlah RM'000		
Pada 1 Januari 2008	82,779	4,375	3,711	(70)	303,661	394,456	83,070	477,526
Kerugian bagi tahun	-	-	-	-	(40,116)	(40,116)	(23,049)	(63,165)
Pertukaran matawang asing:								
– Kumpulan	-	-	-	95	-	95	231	326
– Entiti dikawal bersama	-	-	-	60	-	60	(6)	54
Pengambilalihan subsidiari	-	-	-	-	-	-	149	149
Pelupusan syarikat bersekutu	-	-	(3,711)	-	-	(3,711)	-	(3,711)
Dividen (Nota 10)	-	-	-	-	(1,838)	(1,838)	(5,000)	(6,838)
Pada 31 Disember 2008	82,779	4,375	-	85	261,707	348,946	55,395	404,341
Pada 1 Januari 2009	82,779	4,375	-	85	261,707	348,946	55,395	404,341
Keuntungan bagi tahun	-	-	-	-	48,106	48,106	810	48,916
Pertukaran matawang asing:								
– Syarikat bersekutu	-	-	-	(136)	-	(136)	(237)	(373)
– Entiti dikawal bersama	-	-	17	-	-	17	-	17
Pelupusan subsidiari (Nota 16(c)(i))	-	-	-	-	-	-	(475)	(475)
Kurangan kepentingan dalam subsidiari (Nota 39(c))	-	-	-	(155)	-	(155)	(155)	(310)
Dividen (Nota 10)	-	-	-	-	-	-	(20,000)	(20,000)
Pada 31 Disember 2009	82,779	4,375	17	(206)	309,813	396,778	35,338	432,116

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI SYARIKAT

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

	Modal Saham (Nota 31) RM'000	Tidak Boleh Diagihkan Premium Saham (Nota 31) RM'000	Boleh Diagihkan Keuntungan Terkumpul (Nota 33) RM'000	Jumlah Ekuiti RM'000
Pada 1 Januari 2008	82,779	4,375	48,067	135,221
Keuntungan bagi tahun	-	-	13,455	13,455
Dividen (Nota 10)	-	-	(1,838)	(1,838)
Pada 31 Disember 2008	82,779	4,375	59,684	146,838
Pada 1 Januari 2009	82,779	4,375	59,684	146,838
Keuntungan bagi tahun	-	-	164,480	164,480
Pada 31 Disember 2009	82,779	4,375	224,164	311,318

PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

	Nota	2009 RM'000	2008 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI OPERASI			
Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai		51,570	(58,821)
Pelarasan untuk:			
Bahagian (keuntungan)/kerugian entiti-entiti dikawal bersama		(26,546)	5,371
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu		(5,347)	(865)
Keuntungan yang belum direalisasikan		(7,865)	-
Pelunasan bayaran terdahulu pajakan tanah	6	14	14
Peruntukan hutang ragu	6	2,145	871
Peruntukan hutang lapuk dipulih semula	4	(9)	(127)
Hutang lapuk dihapuskan	6	29	30
Perbelanjaan faedah	5	3,987	4,321
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	6	1,578	1,719
Pelupusan hartanah, loji dan peralatan	6	570	509
Keuntungan daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan	4	(3)	-
Keuntungan daripada penjualan sekuriti boleh dipasarkan	4	(68)	(531)
Kerugian daripada penjualan subsidiari	6	94	-
Kerugian daripada penjualan syarikat bersekutu	6	-	5,338
Kerugian rosotnilai muhibah	6	2,816	705
Kerugian rosotnilai tanah untuk pembangunan	6	111	-
Diskaun pengambilalihan subsidiari	6	-	(4)
Pelarasan nilai pasaran wajar hartanah pelaburan	4, 6	(200)	461
Pendapatan faedah	4	(1,206)	(2,650)
Pendapatan dividen	3	(1)	(4)
Pendapatan hibah	4	(147)	(77)
Peruntukan dipulih semula	4	(75)	(191)
Pembalikan kos terlebih akru	4	(6,471)	(654)
Peruntukan	6	8,460	144
Kurangan dalam nilai sekuriti boleh dipasarkan	6	330	2,071
Pengkiktirafan pendapatan tertunda	4	(176)	(176)
Keuntungan/(kerugian) operasi sebelum perubahan modal kerja		23,590	(42,546)
Kurangan dalam kos pembangunan hartanah		23,420	12,093
Tambahan dalam penghutang		(26,057)	(4,899)
Kurangan dalam sekuriti boleh dipasarkan		554	707
(Tambahan)/kurangan dalam inventori		(5)	6,435
(Kurangan)/tambahan dalam pemiutang		(44,760)	1,359
Bayaran tuntutan guaman		-	(326)
Bayaran untuk ganti rugi kelewatan kerja		(174)	(7)
Tunai digunakan dalam operasi		(23,432)	(27,184)
Cukai dibayar		(4,595)	(2,503)
Hibah diterima		147	77
Faedah dibayar		(11,621)	(8,886)
Dividen dibayar		-	(1,838)
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti-aktiviti operasi		(39,501)	(40,334)

**PENYATA ALIRAN
TUNAI DISATUKAN (SAMB.)**
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

	Nota	2009 RM'000	2008 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI PELABURAN			
Dividen bersih diterima daripada entiti dikawal bersama		11,000	14,000
Dividen bersih diterima daripada saham-saham		1	4
Faedah diterima		1,262	3,006
Hasil daripada penjualan tanah untuk pembangunan	12(a)	14,055	1,875
Hasil daripada penjualan syarikat bersekutu		-	14,150
Pembelian tanah untuk pembangunan	12(a)	(34,459)	(17,887)
Langganan saham dalam entiti dikawal bersama		(918)	(1,256)
Langganan saham dalam syarikat bersekutu		(34,949)	-
Pinjaman kepada entiti-entiti dikawal bersama		(553)	(1,889)
Pembayaran balik pinjaman daripada entiti-entiti dikawal bersama		901	-
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	11	(393)	(1,765)
Hasil daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan		4	-
Aliran tunai bersih daripada pengambilalihan subsidiari	16(b)	-	7,587
Aliran tunai bersih daripada penjualan subsidiari	16(c)	384	-
Hasil daripada kurangan kepentingan dalam subsidiari	39(c)	724	-
Tambahan kepentingan dalam aset bersih subsidiari yang diambilalih		-	(143)
Dividen dibayar kepada kepentingan minoriti		(20,000)	(5,000)
Aliran tunai bersih (digunakan dalam)/dihasilkan daripada aktiviti-aktiviti pelaburan		(62,941)	12,682
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Penerimaan pinjaman berjangka		76,477	38,412
Pembayaran balik pinjaman berjangka		(13,901)	(13,404)
Pembayaran balik liabiliti sewabeli		(517)	(252)
Aliran tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti-aktiviti pembiayaan		62,059	24,756
KURANGAN BERSIH DALAM TUNAI DAN SETARA TUNAI TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AWAL TAHUN KEWANGAN		(40,383)	(2,896)
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN	24	99,886	143,165

PENYATA ALIRAN TUNAI SYARIKAT

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

	Nota	2009 RM'000	2008 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI OPERASI			
Keuntungan sebelum cukai		168,557	19,128
Pelarasan untuk:			
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	6	554	615
Pelunasan bayaran terdahulu pajakan tanah	6	7	7
Pengkiktirafan pendapatan tertunda	4	(50)	(50)
Pelarasan nilai pasaran wajar hartanah pelaburan	4, 6	(200)	461
Penepian hutang daripada subsidiari	6	2,264	3
Peruntukan hutang ragu	6	4	3,292
Peruntukan hutang lapuk dipulih semula	4	(19,816)	-
Peruntukan dipulih semula	4	-	(24)
Keuntungan daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan	4	(3)	-
Keuntungan daripada penjualan syarikat bersekutu	4	-	(9,400)
Keuntungan daripada penjualan sekuriti boleh dipasarkan	4	(2)	(531)
Pelupusan hartanah, loji dan peralatan	6	72	40
Pendapatan faedah	4	(79)	(214)
Pendapatan dividen	3	(165,885)	(23,919)
Pendapatan hibah	4	(29)	(15)
Perbelanjaan faedah	5	17	25
Kerugian rosotnilai pelaburan dalam subsidiari	6	9,079	3,000
Kerugian operasi sebelum perubahan modal kerja		(5,510)	(7,582)
Tambahan dalam penghutang		(53,515)	(6,439)
Tambahan/(kurangan) dalam pemiutang		31,911	(14,772)
Kurangan dalam peruntukan		-	(326)
Kurangan dalam sekuriti boleh dipasarkan		20	719
Tunai digunakan dalam operasi		(27,094)	(28,400)
Hibah diterima		29	15
Faedah dibayar		(17)	(25)
Cukai dibayar		(78)	(148)
Dividen dibayar		-	(1,838)
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti-aktiviti operasi		(27,160)	(30,396)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI PELABURAN			
Dividen bersih diterima daripada subsidiari		-	5,000
Dividen bersih diterima daripada entiti dikawal bersama		11,000	14,000
Faedah diterima		79	214
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	11	(136)	(327)
Pembelian saham dalam subsidiari		-	(3)
Pembelian keahlian kelab		(90)	-
Hasil daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan		4	-
Hasil daripada penjualan syarikat bersekutu		-	14,150
Aliran tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti-aktiviti pelaburan		10,857	33,034
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Pembayaran balik liabiliti sewabeli, merupakan aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan		(135)	(184)
(KURANGAN)/TAMBAHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN SETARA TUNAI TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AWAL TAHUN KEWANGAN		(16,438)	2,454
		19,599	17,145
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN	24	3,161	19,599

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2009

1. MAKLUMAT KORPORAT

Syarikat adalah syarikat awam liabiliti terhad yang diperbadankan dan bermastautin di Malaysia. Pejabat berdaftar Syarikat terletak di Tingkat 12, Menara Perak, No. 24, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur.

Kegiatan utama Syarikat adalah pemegangan pelaburan dan perkhidmatan pengurusan kepada subsidiari-subsidiarinya. Kegiatan-kegiatan utama subsidiari-subsidiari dinyatakan di Nota 16. Tiada sebarang perubahan ketara dalam kegiatan-kegiatan utama tersebut di sepanjang tahun kewangan.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk diterbitkan menurut resolusi para pengarah pada 21 April 2010.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

2.1 Asas Penyediaan

Penyata kewangan mematuhi peruntukan Akta Syarikat 1965 dan Piawaian Pelaporan Kewangan ("FRS") di Malaysia.

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan berasaskan kos sejarah kecuali untuk hartanah pelaburan yang dinyatakan pada nilai pasaran wajar.

Penyata kewangan disediakan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan semua nilai dibundarkan ke angka ribuan yang terhampir (RM'000).

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Perakaunan Penting

(a) Subsidiari-subsidiari dan Asas Penyatuan

(i) Subsidiari-subsidiari

Subsidiari-subsidiari adalah entiti-entiti di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan ke atas dasar-dasar kewangan dan operasi untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktiviti subsidiari-subsidiari tersebut.

Kewujudan dan kesan daripada potensi hak mengundi yang kini dilaksanakan atau bolehubah akan dipertimbangkan apabila menaksir samada Kumpulan memperolehi kuasa ke atas entiti yang lain.

Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari dinyatakan pada kos tolak sebarang kerugian rosotnilai di dalam penyata kewangan Syarikat yang diasingkan. Semasa pelupusan pelaburan-pelaburan tersebut, perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa bersih diiktiraf di dalam keuntungan atau kerugian.

(ii) Asas Penyatuan

Penyata kewangan yang disatukan meliputi penyata kewangan Syarikat dan kesemua subsidiarinya pada tarikh lembaran imbalan. Penyata kewangan subsidiari-subsidiari disediakan pada tarikh laporan yang sama dengan Syarikat.

Subsidiari-subsidiari disatukan dari tarikh pengambilalihan, iaitu tarikh kawalan dipindahkan kepada Kumpulan, dan seterusnya disatukan sehingga tarikh kawalan tersebut tamat. Urusniaga, baki dan keuntungan tidak direalisasikan di antara syarikat-syarikat kumpulan dihapuskan dengan sepenuhnya semasa menyediakan penyata kewangan yang disatukan. Dasar-dasar perakaunan yang seragam digunakan di dalam penyata kewangan yang disatukan untuk urusniaga dan peristiwa dalam keadaan yang sama.

Pengambilalihan subsidiari-subsidiari diambilkira dengan menggunakan kaedah pembelian. Kaedah perakaunan pembelian melibatkan peruntukan kos pengambilalihan kepada nilai saksama bagi aset, liabiliti dan liabiliti luarjangka yang diambilalih pada tarikh pengambilalihan. Kos pengambilalihan adalah jumlah nilai saksama, pada tarikh pengambilalihan, bagi aset yang diperolehi, liabiliti yang ditanggung atau diambilalih dan terbitan instrumen ekuiti berserta perbelanjaan langsung yang berkaitan dengan pengambilalihan tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.)

31 DISEMBER 2009

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Perakaunan Penting (samb.)

(a) Subsidiari-subsidiari dan Asas Penyatuan (samb.)

(ii) *Asas Penyatuan (samb.)*

Sebarang lebih kos pengambilalihan ke atas nilai bersih wajar bahagian Kumpulan bagi aset, liabiliti dan liabiliti luarjangka yang dikenalpasti adalah merupakan muhibah.

Sebarang lebih nilai bersih wajar bahagian Kumpulan bagi aset, liabiliti dan liabiliti luarjangka yang dikenalpasti ke atas kos pengambilalihan diiktiraf dengan serta-merta di dalam keuntungan atau kerugian.

Kepentingan minoriti mewakili bahagian keuntungan atau kerugian dan aset bersih subsidiari yang tidak dipegang oleh Kumpulan. Kepentingan minoriti dinilai mengikut nilai wajar bahagian minoriti bagi aset dan liabiliti subsidiari yang dikenalpasti pada tarikh pengambilalihan dan bahagian minoriti bagi perubahan dalam ekuiti subsidiari sejak tarikh pengambilalihan.

(b) Syarikat-syarikat Bersekutu

Syarikat-syarikat bersekutu adalah entiti-entiti di mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting dan ianya bukan subsidiari ataupun entiti dikawal bersama. Pengaruh penting adalah kuasa untuk mengambil bahagian dalam keputusan dasar kewangan dan operasi syarikat bersekutu tetapi tidak mempunyai kuasa atau kawalan bersama ke atas dasar-dasar berkenaan.

Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu diambilkira dalam penyata kewangan disatukan dengan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti. Berdasarkan kaedah perakaunan ekuiti, pelaburan dalam syarikat bersekutu dinyatakan dalam lembaran imbangan disatukan pada kos diselaraskan selepas mengambilkira perubahan dalam bahagian Kumpulan bagi aset bersih syarikat bersekutu selepas pengambilalihan. Bahagian Kumpulan dalam keuntungan atau kerugian bersih syarikat bersekutu diiktiraf di dalam keuntungan atau kerugian disatukan. Di mana terdapat perubahan yang diiktiraf terus di dalam ekuiti syarikat bersekutu, bahagian Kumpulan bagi perubahan tersebut akan diiktiraf oleh Kumpulan. Berdasarkan kaedah perakaunan ekuiti, keuntungan dan kerugian tidak direalisasi atas urusniaga antara Kumpulan dan syarikat bersekutu dihapuskan setakat kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu. Setelah menggunakan kaedah perakaunan ekuiti, Kumpulan menentukan samada kerugian rosot nilai tambahan berkaitan dengan pelaburan bersih Kumpulan dalam syarikat bersekutu perlu diiktiraf. Syarikat bersekutu diambilkira dengan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti dari tarikh Kumpulan mempunyai pengaruh penting sehingga tarikh Kumpulan menamatkan pengaruh pentingnya.

Muhibah berkenaan dengan syarikat bersekutu termasuk di dalam nilai dibawa pelaburan dan tidak dilunaskan. Sebarang lebih nilai bersih saksama bahagian Kumpulan bagi aset, liabiliti dan liabiliti luarjangka yang dikenalpasti ke atas kos pelaburan tidak termasuk di dalam nilai dibawa pelaburan tetapi termasuk sebagai pendapatan bila bahagian Kumpulan dalam keuntungan atau kerugian syarikat bersekutu ditentukan di dalam tempoh pelaburan diambilalih.

Bila bahagian Kumpulan dalam kerugian syarikat bersekutu adalah sama dengan atau melebihi kepentingan dalam syarikat bersekutu, termasuk sebarang kepentingan jangka panjang yang, pada amnya, merupakan sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam syarikat bersekutu, Kumpulan tidak lagi mengiktiraf kerugian seterusnya, kecuali Kumpulan telah menanggung pembiayaan atau membuat pembayaran bagi pihak syarikat bersekutu.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.)

31 DISEMBER 2009

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Perakaunan Penting (samb.)

(b) Syarikat-syarikat Bersekutu (samb.)

Penyata kewangan syarikat bersekutu yang telah diaudit yang terkini digunakan oleh Kumpulan untuk penerapan kaedah perakaunan ekuiti. Jika tarikh penyata kewangan yang telah diaudit yang digunakan tidak bertepatan dengan tarikh penyata kewangan Kumpulan, bahagian keputusan adalah diambilkira dari penyata kewangan terakhir yang telah diaudit dan penyata kewangan pengurusan ke akhir tempoh kewangan. Dasar-dasar perakaunan yang seragam digunakan dalam penyata kewangan yang disatukan untuk urusan yang sama dan peristiwa dalam keadaan yang sama.

Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos tolak sebarang kerugian rosotnilai di dalam penyata kewangan berasingan Syarikat.

Semasa pelupusan pelaburan-pelaburan tersebut, perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa bersih diiktiraf di dalam keuntungan atau kerugian.

(c) Entiti-entiti Dikawal Bersama

Kumpulan mempunyai kepentingan dalam usaha sama yang merupakan entiti dikawal bersama. Usaha sama adalah persetujuan kontrak di antara dua pihak atau lebih untuk menjalankan aktiviti ekonomi yang tertakluk kepada kawalan bersama. Entiti dikawal bersama adalah usaha sama yang melibatkan penubuhan entiti yang berasingan di mana setiap pihak usaha sama mempunyai kepentingan.

Pelaburan dalam entiti-entiti dikawal bersama dinyatakan di dalam penyata kewangan disatukan berdasarkan kaedah perakaunan ekuiti seperti yang dinyatakan di Nota 2.2(b).

Pelaburan dalam entiti-entiti dikawal bersama dinyatakan pada kos tolak sebarang kerugian rosotnilai di dalam penyata kewangan berasingan Syarikat.

Semasa pelupusan pelaburan-pelaburan tersebut, perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa bersih diiktiraf di dalam keuntungan atau kerugian.

(d) Muhibah

Muhibah yang diperolehi dari penggabungan perniagaan pada mulanya dinilai pada kos, iaitu nilai lebihan kos penggabungan perniagaan ke atas nilai bersih wajar bahagian Kumpulan bagi aset, liabiliti dan liabiliti luarjangka yang dikenalpasti. Berikutan pengiktirafan awal, muhibah dinyatakan pada kos tolak sebarang kerugian rosotnilai terkumpul. Muhibah tidak dilunaskan tetapi sebaliknya, penyemakan untuk menentukan samada nilai dibawa mengalami kerugian rosotnilai dibuat setiap tahun atau lebih kerap sekiranya peristiwa atau perubahan dalam sesuatu keadaan menunjukkan nilai dibawa mengalami kerugian rosotnilai. Keuntungan dan kerugian daripada penjualan entiti merangkumi nilai dibawa muhibah berkaitan dengan entiti yang dijual.

(e) Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai

Hartanah, loji dan peralatan pada mulanya dinyatakan pada kos. Kos kemudiannya termasuk di dalam nilai dibawa aset tersebut atau diiktiraf sebagai aset yang berlainan, di mana yang berkenaan, hanya apabila kemungkinan manfaat ekonomi berkaitan dengan aset tersebut akan mengalir kepada Kumpulan dan kos aset dapat dinilai dengan pasti. Nilai dibawa bahagian yang diganti diiktiraf sebaliknya. Lain-lain pembaikan dan penyelenggaraan diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tempoh penglibatan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.)

31 DISEMBER 2009

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Perakaunan Penting (samb.)

(e) Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai (samb.)

Berikutan pengiktirafan seterusnya, hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul.

Tanah pegangan kekal yang tiada had hayat kegunaannya tidak disusutnilai. Susutnilai untuk hartanah, loji dan peralatan lain diperuntukkan berdasarkan pada kaedah garis lurus untuk menghapuskirakan kos setiap aset kepada nilai sisa sepanjang anggaran hayat kegunaan pada kadar tahunan seperti berikut:

Bangunan	2%
Kenderaan bermotor	20%
Perabot, kelengkapan dan ubahsuaian pejabat	10%
Peralatan pejabat dan komputer	10% – 33%

Nilai sisa, hayat kegunaan dan kaedah susutnilai dikaji semula pada akhir setiap tahun kewangan untuk memastikan jumlah, kaedah dan tempoh susutnilai adalah selaras dengan anggaran terdahulu dan jangkaan corak penggunaan manfaat ekonomi masa hadapan yang wujud dalam setiap hartanah, loji dan peralatan.

Sesuatu hartanah, loji dan peralatan tidak diiktiraf semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi dijangka akan terhasil daripada penggunaan atau pelupusan aset tersebut. Perbezaan di antara hasil pelupusan bersih, sekiranya ada, dan nilai dibawa bersih akan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

(f) Hartanah Pelaburan

Hartanah pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk memperolehi pendapatan sewa atau untuk peningkatan nilai modal atau kedua-duanya. Hartanah tersebut pada mulanya dinyatakan pada kos, termasuk kos urusniaga. Berikutan permulaan pengiktirafan hartanah pada kos, hartanah pelaburan dinyatakan pada nilai saksama. Nilai saksama ditentukan dengan merujuk kepada harga pasaran urusniaga untuk hartanah yang sama dan ditentukan oleh penilai berdaftar bebas yang mempunyai kelayakan profesional yang sesuai atau yang diakui dan mempunyai pengalaman terkini di dalam lokasi dan kategori hartanah yang dinilai.

Keuntungan atau kerugian daripada perubahan dalam nilai wajar hartanah pelaburan diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian dalam tahun ianya berlaku.

Hartanah pelaburan tidak lagi diiktiraf apabila ianya dilupuskan atau apabila hartanah pelaburan tidak lagi digunakan selama-lamanya dan tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangka terdapat daripada pelupusannya. Sebarang keuntungan atau kerugian daripada penamatan penggunaan atau pelupusan hartanah pelaburan diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian dalam tahun ianya berlaku.

(g) Tanah untuk Pembangunan dan Kos Pembangunan Hartanah

(i) Tanah untuk Pembangunan

Tanah untuk pembangunan terdiri daripada tanah di mana tiada aktiviti pembangunan dilaksanakan atau di mana aktiviti pembangunan tidak dijangka akan siap dalam tempoh kitaran kebiasaan operasi. Tanah tersebut diklasifikasikan sebagai aset tidak semasa dan dinyatakan pada kos tolak kerugian rosotnilai terkumpul.

Tanah untuk pembangunan dipindahkan ke kos pembangunan hartanah apabila aktiviti pembangunan telah dilaksanakan dan dijangka akan siap dalam tempoh kitaran kebiasaan operasi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.)

31 DISEMBER 2009

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Perakaunan Penting (samb.)

(g) Tanah untuk Pembangunan dan Kos Pembangunan Hartanah (samb.)

(ii) *Kos Pembangunan Hartanah*

Kos pembangunan hartanah terdiri daripada semua kos yang berkaitan secara langsung dengan aktiviti-aktiviti pembangunan atau kos yang boleh diagihkan berdasarkan asas yang munasabah kepada aktiviti-aktiviti pembangunan tersebut.

Apabila hasil pencapaian aktiviti pembangunan dapat dianggarkan, pendapatan dan kos pembangunan hartanah akan diiktiraf dalam penyata pendapatan berdasarkan tahap penyudahan aktiviti pembangunan. Tahap penyudahan ditentukan berdasarkan nisbah kos pembangunan hartanah yang dibelanjakan kepada jumlah anggaran kos untuk menyudahkan pembangunan hartanah tersebut.

Apabila hasil pencapaian aktiviti pembangunan tidak dapat dianggarkan, pendapatan pembangunan hartanah diiktiraf adalah terhad kepada anggaran kos pembangunan hartanah yang dapat dipulihkan. Kos pembangunan hartanah yang telah dijual diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh ianya dibelanjakan.

Sebarang kerugian yang dijangkakan bagi projek pembangunan, termasuk kos yang akan dibelanjakan dalam tempoh tanggungan ketidaksempurnaan, akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta-merta.

Kos pembangunan hartanah yang tidak diiktiraf sebagai perbelanjaan akan diiktiraf sebagai aset dan dinyatakan pada nilai terendah di antara kos dan nilai bersih boleh direalisasi.

Sekiranya pendapatan diiktiraf dalam penyata pendapatan melebihi tuntutan kepada pembeli, jumlah itu diklasifikasikan sebagai akruan tuntutan di dalam penghutang dan jikalau tuntutan kepada pembeli melebihi pendapatan diiktiraf dalam penyata pendapatan, jumlah itu diklasifikasikan sebagai tuntutan kemajuan di dalam pemiutang.

(h) Kontrak Pembinaan dan Teknologi

Apabila hasil pencapaian sesuatu kontrak pembinaan dan teknologi dapat dijangka, pendapatan kontrak dan kos kontrak diiktiraf sebagai pendapatan dan perbelanjaan berdasarkan tahap penyudahan aktiviti kontrak. Tahap penyudahan ditentukan berdasarkan nisbah kos kontrak yang dibelanjakan sehingga tarikh penutupan akaun kepada jumlah anggaran kos untuk menyudahkan kontrak tersebut.

Apabila hasil pencapaian sesuatu kontrak tidak dapat dianggarkan dengan pasti, pendapatan kontrak diiktiraf adalah terhad kepada anggaran kos kontrak yang dapat dipulihkan. Kos kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh ianya dibelanjakan.

Jikalau jumlah kos kontrak dijangka melebihi jumlah pendapatan kontrak, kerugian yang dijangkakan tersebut akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta-merta.

Baki ditunjukkan sebagai jumlah hutang daripada pelanggan kontrak apabila kos yang dibelanjakan atas kontrak ditambah keuntungan diiktiraf atau ditolak kerugian diiktiraf melebihi tuntutan kemajuan kerja. Baki ditunjukkan sebagai jumlah hutang kepada pelanggan kontrak apabila tuntutan kemajuan kerja melebihi kos yang dibelanjakan dicampur keuntungan diiktiraf atau ditolak kerugian diiktiraf.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.)

31 DISEMBER 2009

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Perakaunan Penting (samb.)

(i) Rosotnilai Aset Bukan Kewangan

Pada setiap tarikh lembaran imbangan, Kumpulan menaksir nilai dibawa bagi aset-asetnya, selain daripada hartanah pelaburan, aset kontrak pembinaan dan teknologi, inventori, aset cukai tertunda dan kumpulan pelupusan dipegang untuk jualan, untuk menentukan samada terdapat sebarang petunjuk yang aset-aset telah mengalami kerugian rosotnilai. Jika terdapat sebarang petunjuk, jumlah yang boleh dipulih dari aset tersebut dianggarkan untuk menentukan jumlah kerugian rosotnilai.

Bagi muhibah, anggaran jumlah yang boleh dipulih akan dibuat pada setiap tarikh lembaran imbangan atau lebih kerap apabila terdapat petunjuk penyemakan untuk rosotnilai dikenalpasti.

Bagi tujuan penyemakan rosotnilai untuk aset, jumlah yang boleh dipulih ditentukan dengan kaedah aset individu melainkan aset tersebut tidak menjana aliran tunai yang sebahagian besarnya tidak berkaitan dengan aset-aset yang lain. Sekiranya begitu, jumlah yang boleh dipulih ditentukan untuk unit janaan tunai ("UJT") di mana aset tersebut tergolong. Muhibah yang diambilalih melalui penggabungan perniagaan adalah, bermula dari tarikh pengambilalihan, diperuntukkan kepada setiap UJT Kumpulan atau kumpulan-kumpulan UJT, yang dijangka akan mendapat manfaat daripada sinergi penggabungan, tidak kira jika aset-aset atau liabiliti-liabiliti lain dari Kumpulan ditempatkan di unit-unit atau kumpulan unit-unit tersebut.

Jumlah yang boleh dipulih dari aset adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai saksama tolak kos jualan dan nilai dalam kegunaan bagi aset atau UJT itu. Untuk menaksir nilai dalam kegunaan, anggaran aliran tunai masa depan perlu didiskaunkan kepada nilai kini dengan menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang mencerminkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko yang khusus kepada aset tersebut. Apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah yang boleh dipulih, aset tersebut dianggap terjejas nilainya dan akan dihapuskan kepada jumlah yang boleh dipulih. Kerugian rosotnilai yang diiktiraf pada UJT atau kumpulan UJT diperuntukkan dengan mengurangkan nilai dibawa muhibah yang diperuntukkan kepada UJT atau kumpulan UJT dahulu, dan kemudiannya dengan mengurangkan nilai dibawa aset-aset yang lain di dalam unit atau kumpulan unit menggunakan secara pro-rata.

Kerugian rosotnilai diiktiraf di dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh ianya wujud. Kerugian rosotnilai muhibah tidak dinyatakan semula bagi tempoh seterusnya. Kerugian rosotnilai bagi aset selain daripada muhibah akan dinyatakan semula jika, dan hanya jika, terdapat perubahan di dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan jumlah yang boleh dipulih bagi aset sejak kerugian rosotnilai terdahulu diiktiraf. Nilai dibawa aset selain daripada muhibah akan bertambah kepada nilai disemak semula jumlah boleh dipulih, hanya jika nilai tersebut tidak melebihi nilai dibawa yang akan ditentukan (tolak pelunasan atau susutnilai) jika tiada kerugian rosotnilai yang diiktiraf bagi aset tersebut pada tahun-tahun sebelumnya. Penyataan semula kerugian rosotnilai bagi aset selain daripada muhibah diiktiraf di dalam keuntungan atau kerugian, melainkan aset dibawa pada jumlah nilai semula, di mana penyataan semula tersebut dibuat melalui pertambahan dalam penilaian semula.

(j) Inventori

(i) Hartanah untuk Penjualan Semula

Hartanah untuk penjualan semula dinyatakan pada nilai terendah di antara kos dan nilai boleh direalisasi bersih. Kos ditentukan pada asas pengenalan khusus dan termasuk kos tanah, pembinaan dan perbelanjaan pembangunan yang sewajarnya, termasuk perbelanjaan faedah yang ditanggung sepanjang tempoh pembangunan. Nilai boleh direalisasi bersih mewakili anggaran harga jualan ditolak semua anggaran kos untuk penyiapan dan anggaran kos yang akan dikenakan untuk pemasaran, jualan dan pagedaran.

(ii) Bahan-bahan Mentah

Inventori dinyatakan pada nilai terendah di antara kos (ditentukan pada asas masuk dahulu, keluar dahulu) dan nilai bersih boleh direalisasi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.)

31 DISEMBER 2009

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Perakaunan Penting (samb.)

(k) Pajak

(i) *Klasifikasi*

Pajak diiktiraf sebagai pajak kewangan jika ia memindahkan kepada Kumpulan sebahagian besar risiko dan manfaat hakmilik. Kesemua pajak yang tidak memindahkan segala risiko dan manfaat hakmilik kepada Kumpulan akan diklasifikasikan sebagai pajak operasi.

(ii) *Pajak Kewangan – Kumpulan sebagai Pemajak*

Aset diambilalih secara sewabeli atau pajak kewangan dinyatakan pada nilai setara dengan nilai terendah di antara nilai wajar dan nilai kini pembayaran pajak minima pada permulaan pajak, ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai. Liabiliti berkaitan dinyatakan dalam lembaranimbangan sebagai pinjaman. Dalam pengiraan nilai semasa pembayaran pajak minima, faktor diskaun yang digunakan ialah kadar faedah yang terkandung di dalam pajak bila ia boleh ditentukan secara praktikal, jika tidak, kadar peningkatan faedah pinjaman Syarikat digunakan. Sebarang kos permulaan langsung akan ditambah kepada nilai dibawa aset-aset tersebut.

Bayaran pajak diagihkan di antara kos kewangan dan pengurangan baki liabiliti. Kos kewangan, yang mewakili perbezaan di antara keseluruhan komitmen pajak dan nilai saksama aset diambilalih, diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian di sepanjang penggal pajak berkenaan untuk menghasilkan kadar faedah berkala yang tetap atas baki tanggungan untuk setiap tempoh perakaunan.

Dasar susutnilai bagi aset pajak adalah menurut susutnilai hartanah, loji dan peralatan seperti yang dinyatakan di Nota 2.2(e).

(iii) *Pajak Operasi – Kumpulan sebagai Pemberi Pajak*

Aset dipajak sebagai pajak operasi dinyatakan di dalam lembaranimbangan berdasarkan pada sifat aset. Pendapatan sewa daripada pajak operasi diiktiraf berdasarkan pada kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajak (Nota 2.2(o)(v)). Kos langsung permulaan yang diperbelanjakan untuk perundingan dan menguruskan pajak operasi akan ditambahkan kepada nilai dibawa aset pajak dan diiktiraf berdasarkan pada kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajak.

(iv) *Pajak Operasi – Kumpulan sebagai Pemajak*

Bayaran pajak operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan berdasarkan pada kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajak. Agregat manfaat insentif yang diberi oleh pemberi pajak diiktiraf sebagai kurangan dalam perbelanjaan sewa sepanjang tempoh pajak berdasarkan pada kaedah garis lurus.

Dalam kes pajak tanah, bayaran pendahuluan yang dibuat mewakili bayaran terdahulu pajak dan dilunaskan berdasarkan pada kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajak.

(l) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai tanggungan semasa hasil daripada peristiwa lampau dan adalah berkemungkinan terdapat aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi yang diperlukan untuk menyelesaikan tanggungan tersebut dan anggaran yang munasabah boleh dibuat bagi jumlah tersebut. Peruntukan akan ditaksir semula pada setiap tarikh lembaranimbangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang munasabah. Di mana kesan nilai kini wang adalah penting, jumlah peruntukan akan didiskaunkan dengan menggunakan kadar semasa sebelum cukai yang menggambarkan, jika perlu, risiko khusus kepada liabiliti tersebut. Apabila kaedah diskaun digunakan, penambahan pada peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai kos kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.)

31 DISEMBER 2009

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Perakaunan Penting (samb.)

(m) Kos Pinjaman

Kos pinjaman yang secara langsung disebabkan oleh pembelian, pembinaan atau pengeluaran aset yang layak, iaitu aset yang memerlukan masa yang panjang untuk menjadikannya sedia untuk diguna atau dijual, akan ditambah kepada kos aset tersebut sehingga tiba masanya aset itu sedia atau hampir sedia untuk diguna atau dijual. Pendapatan pelaburan diperolehi daripada pelaburan sementara hasil daripada pinjaman tertentu sebelum perbelanjaan dibuat untuk aset yang layak akan ditolak daripada kos pinjaman yang boleh dipermodalkan.

Semua kos pinjaman lain diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh penglibatan.

(n) Manfaat Pekerja Syarikat

(i) *Manfaat Jangka Pendek*

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun di mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh pekerja. Pampasan ketidakhadiran jangka pendek yang terkumpul seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan yang diberi oleh pekerja akan menambahkan hak mereka untuk pampasan ketidakhadiran pada masa hadapan. Pampasan ketidakhadiran jangka pendek yang tidak terkumpul seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

(ii) *Pelan Sumbangan Dikenalpasti*

Pelan sumbangan dikenalpasti adalah pelan manfaat lepas pekerjaan di mana Kumpulan membayar sumbangan ke dalam entiti-entiti atau dana-dana yang berasingan dan tidak mempunyai kewajipan sah untuk membayar sumbangan yang selanjutnya jika satu daripada dana-dana yang terlibat tidak memiliki aset yang mencukupi untuk membayar kesemua manfaat pekerja yang berkaitan dengan perkhidmatan pekerja dalam tahun kewangan semasa dan sebelumnya. Sumbangan tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam keuntungan atau kerugian bila ia dikenakan. Menurut peruntukan undang-undang, syarikat-syarikat di Malaysia membayar sumbangan tersebut kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

(o) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan diiktiraf apabila kemungkinan manfaat ekonomi berkaitan dengan transaksi akan berpindah kepada Syarikat dan pendapatan boleh dianggarkan dengan pasti. Kriteria untuk pengiktirafan khusus yang mesti dipatuhi sebelum pendapatan boleh diiktiraf adalah seperti berikut:

(i) *Jualan Hartanah*

Pendapatan daripada jualan hartanah dikira dengan kaedah tahap penyudahan aktiviti pembangunan seperti yang dinyatakan di Nota 2.2(g).

(ii) *Kontrak Pembinaan dan Teknologi*

Pendapatan daripada kontrak dikira dengan kaedah tahap penyudahan aktiviti kontrak seperti yang dinyatakan di Nota 2.2(h).

(iii) *Pendapatan Perkhidmatan*

Pendapatan perkhidmatan diiktiraf apabila perkhidmatan telah dilaksanakan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.)

31 DISEMBER 2009

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Perakaunan Penting (samb.)

(o) Pengiktirafan Pendapatan (samb.)

(iv) Jualan Barangan

Pendapatan daripada jualan barangan diiktiraf selepas cukai jualan dan apabila pemindahan risiko dan manfaat telah disempurnakan. Pendapatan tidak diiktiraf apabila terdapat ketidakpastian yang ketara tentang pemulihan kos-kos berkaitan atau kemungkinan pemulangan barangan.

(v) Pendapatan Sewa

Pendapatan sewa daripada hartanah pelaburan diiktiraf pada asas akruan.

(vi) Pendapatan Faedah

Pendapatan faedah diiktiraf pada asas akruan dengan menggunakan kaedah faedah efektif.

(vii) Pendapatan Dividen

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak pemegang saham untuk menerima bayaran telah dipastikan.

(viii) Yuran Pengurusan

Yuran pengurusan diiktiraf apabila perkhidmatan telah dilaksanakan.

(p) Pendapatan Tertunda

Pendapatan tertunda merupakan bayaran yang diterima terdahulu daripada tanah stesyen minyak petrol. Pendapatan daripada bayaran terdahulu ini diiktiraf berdasarkan pada kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan selama 30 tahun.

(q) Cukai Pendapatan

Cukai pendapatan atas keuntungan atau kerugian bagi tahun kewangan semasa terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa ialah jumlah cukai pendapatan yang dijangka perlu dibayar ke atas keuntungan tahun semasa yang boleh dicukai dan dianggarkan mengikut kadar cukai yang telah diaktakan pada tarikh lembaran imbangan.

Cukai tertunda diperuntukkan dengan menggunakan kaedah liabiliti. Menurut prinsip, liabiliti cukai tertunda diiktiraf ke atas semua perbezaan sementara yang tertakluk kepada cukai manakala aset cukai tertunda pula diiktiraf untuk semua perbezaan sementara yang boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara yang dibenarkan untuk taksiran cukai, kerugian cukai belum diguna dan kredit cukai belum diguna setakat mana terdapat keuntungan boleh dicukai untuk digunakan atas perbezaan sementara yang dibenarkan untuk taksiran cukai, kerugian cukai belum diguna dan kredit cukai belum diguna. Cukai tertunda tidak diiktiraf jika perbezaan sementara timbul dari muhibah atau muhibah negatif atau dari pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti di dalam urusanniaga yang bukan penggabungan perniagaan, dan pada waktu urusanniaga, yang tidak memberi kesan ke atas keuntungan perakaunan atau keuntungan yang boleh dicukai.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan dalam tempoh di mana aset direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berasaskan kadar cukai yang telah diaktakan atau hampir diaktakan pada tarikh lembaran imbangan. Cukai tertunda diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan di dalam keuntungan atau kerugian bagi tempoh kewangan, kecuali jika ia adalah dihasilkan daripada urusanniaga yang diiktiraf terus di dalam ekuiti, di mana cukai tertunda itu juga diiktiraf terus ke ekuiti, atau ia adalah hasil daripada penggabungan perniagaan yang berkaitan dengan pengambilalihan, di mana cukai tertunda adalah sebahagian daripada muhibah atau jumlah lebihan kepentingan pembeli di dalam nilai saksama aset, liabiliti dan liabiliti luarjangka penjual yang dikenalpasti ke atas kos penggabungan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.)

31 DISEMBER 2009

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Perakaunan Penting (samb.)

(r) Matawang Asing

(i) *Matawang Fungsian dan Pembentangan*

Penyata kewangan individu setiap entiti di dalam Kumpulan dinyatakan dengan menggunakan matawang persekitaran ekonomi utama di mana entiti beroperasi ("matawang fungsian"). Penyata kewangan yang disatukan adalah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang juga merupakan matawang fungsian Syarikat.

(ii) *Transaksi Matawang Asing*

Semasa menyediakan penyata kewangan individu setiap entiti, urusan dalam matawang asing ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh urusan. Butiran bersifat kewangan yang didenominasikan dalam matawang asing pada tarikh lembaran imbalan ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh lembaran imbalan tersebut. Butiran tidak bersifat kewangan yang dicatat pada nilai wajar dan yang didenominasikan dalam matawang asing ditukar dengan menggunakan kadar pertukaran yang wujud semasa nilai wajar ditetapkan. Butiran tidak bersifat kewangan yang dicatat pada kos sejarah dalam matawang asing tidak ditukar.

Perbezaan tukaran hasil daripada penyelesaian butiran bersifat kewangan dan sewaktu penterjemahan butiran bersifat kewangan diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian kecuali perbezaan tukaran daripada butiran bersifat kewangan yang merupakan sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam operasi asing. Perbezaan tukaran tersebut pada dasarnya dipindahkan terus ke rizab tukaran matawang asing dalam ekuiti sehingga pelupusan operasi asing, pada ketika itu diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian. Perbezaan tukaran daripada butiran bersifat kewangan yang merupakan sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam operasi asing diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata kewangan Syarikat atau penyata kewangan individu operasi asing, yang mana bersesuaian.

Perbezaan tukaran daripada penterjemahan butiran tidak bersifat kewangan yang dicatat pada nilai wajar diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian bagi tempoh yang berkenaan kecuali perbezaan yang timbul dari penterjemahan butiran tidak bersifat kewangan di mana keuntungan atau kerugian diiktiraf terus dalam ekuiti. Perbezaan tukaran yang timbul dari butiran tidak bersifat kewangan tersebut juga diiktiraf terus dalam ekuiti.

(iii) *Operasi Asing*

Keputusan dan kedudukan kewangan operasi asing yang mempunyai matawang fungsian yang berbeza daripada matawang pembentangan (RM) bagi penyata kewangan yang disatukan ditukar kepada RM seperti berikut:

- Aset dan liabiliti setiap lembaran imbalan yang dikemukakan ditukar pada kadar penutup pada tarikh lembaran imbalan;
- Pendapatan dan perbelanjaan setiap penyata pendapatan ditukar pada kadar pertukaran purata bagi tahun tersebut, yang menghampiri kadar pertukaran pada tarikh transaksi; dan
- Semua hasil perbezaan tukaran dipindahkan ke rizab tukaran matawang asing di dalam ekuiti.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.)

31 DISEMBER 2009

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Perakaunan Penting (samb.)

(s) Kumpulan Pelupusan Dipegang untuk Jualan

Kumpulan pelupusan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan jika nilai dibawa akan dipulih terutamanya daripada satu transaksi jualan dan bukannya daripada penggunaan berterusan. Keadaan ini dipenuhi hanya apabila kemungkinan besar jualan akan berlaku dan aset itu ada untuk dijual dengan serta-merta dalam keadaan semasa dan hanya tertakluk kepada terma-terma yang biasa.

Nilai kesemua aset dan liabiliti dalam kumpulan pelupusan dikemaskinikan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan berkenaan sejurus sebelum diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan. Semasa klasifikasi permulaan sebagai dipegang untuk jualan, kumpulan pelupusan dinilai menurut FRS 5 iaitu pada nilai terendah di antara nilai dibawa dan nilai wajar tolak kos jualan. Sebarang perbezaan diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian.

(t) Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan diiktiraf dalam lembaran imbangan apabila Kumpulan menjadi salah satu pihak kepada syarat-syarat perjanjian instrumen tersebut.

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai liabiliti atau ekuiti menurut dasar dalam perjanjian kontrak. Faedah, dividen, keuntungan dan kerugian berkenaan dengan instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai liabiliti, dilaporkan sebagai perbelanjaan atau pendapatan. Pengagihan kepada pemegang instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai ekuiti diiktiraf terus dalam ekuiti. Instrumen kewangan diselaraskan apabila Kumpulan mempunyai hak mengikut undang-undang untuk pelarasan dan berniat untuk menyelesaikan secara bersih atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

(i) *Tunai dan Setara Tunai*

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan setara tunai termasuk tunai di tangan dan baki di bank, deposit panggilan dan pelaburan kecairan tinggi jangka pendek, yang mempunyai risiko perubahan nilai yang tidak ketara, ditolak baki overdraf bank.

(ii) *Lain-lain Pelaburan Tidak Semasa*

Lain-lain pelaburan tidak semasa selain daripada pelaburan dalam subsidiari-subsidiari, syarikat-syarikat bersekutu, entiti-entiti dikawal bersama dan hartanah pelaburan adalah dinyatakan pada kos tolak kerugian rosotnilai. Semasa pelupusan pelaburan, perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian.

(iii) *Sekuriti Boleh Dipasarkan*

Sekuriti boleh dipasarkan dibawa pada harga terendah di antara kos dan nilai pasaran yang ditentukan berdasarkan asas agregat. Kos ditentukan berdasarkan asas purata wajaran sementara nilai pasaran ditentukan berdasarkan nilai pasaran dicatat. Tambahan atau kurangan dalam jumlah dibawa bagi sekuriti boleh pasar diiktiraf dalam keuntungan dan kerugian. Semasa pelupusan sekuriti boleh dipasarkan, perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian.

(iv) *Penghutang*

Penghutang dibawa pada nilai yang dijangka boleh direalisasikan. Hutang lapuk dihapuskan dengan serta-merta apabila dikenalpasti. Anggaran dibuat bagi hutang ragu berdasarkan penelitian ke atas semua baki yang belum dijelaskan pada tarikh lembaran imbangan.

(v) *Pemiutang*

Pemiutang dinyatakan pada nilai wajar ganjaran yang perlu dibayar pada masa hadapan untuk barangan dan perkhidmatan yang diterima.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.)

31 DISEMBER 2009

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Perakaunan Penting (samb.)

(t) Instrumen Kewangan (samb.)

(vi) *Pinjaman-pinjaman Berfaedah*

Semua pinjaman diiktiraf pada mulanya pada nilai wajar ganjaran yang diterima tolak kos urusniaga langsung. Selepas pengiktirafan awal, pinjaman berfaedah kemudiannya dinyatakan pada kos dilunaskan dengan kaedah faedah efektif.

(vii) *Instrumen Ekuiti*

Saham biasa diklasifikasikan sebagai ekuiti. Dividen daripada saham biasa diiktiraf dalam ekuiti dalam tempoh ianya diisytiharkan.

Kos urusniaga dari urusniaga ekuiti diambil kira sebagai potongan daripada ekuiti, selepas ditolak cukai. Kos urusniaga ekuiti mengandungi hanya peningkatan kos luaran yang berkaitan secara langsung dengan urusniaga ekuiti yang sepatutnya boleh dielakkan.

2.3 Dasar-Dasar dan Interpretasi-Interpretasi Yang Telah Dikeluarkan tetapi Tidak Dilaksanakan

Pada tarikh penyata kewangan ini diluluskan, FRS yang baru dan Interpretasi-Interpretasi berikut telah dikeluarkan tetapi tidak dilaksanakan dan tidak diguna pakai oleh Kumpulan dan Syarikat:

Berkuatkuasa dari tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Julai 2009:

FRS 8: Segmen Operasi

Berkuatkuasa dari tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010:

FRS 4: Kontrak Insurans
FRS 7: Instrumen Kewangan: Pendedahan
FRS 101: Pembentangan Laporan Kewangan (disemak semula)
FRS 123: Kos Pinjaman
FRS 139: Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Penilaian
Pindaan-pindaan kepada FRS 1: Penggunaan Pertama Kali Piawai Pelaporan Kewangan dan FRS 127: Laporan Kewangan Disatukan dan Diasingkan: Kos Pelaburan di dalam Subsidiari, Entiti Dikawal Bersama atau Syarikat Bersekutu
Pindaan-pindaan kepada FRS 2: Bayaran Berasaskan Saham: Syarat-syarat Letak Hak dan Pembatalan
Pindaan-pindaan kepada FRS 132: Instrumen Kewangan: Pembentangan
Pindaan-pindaan kepada FRS 139: Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Penilaian, FRS 7: Instrumen Kewangan: Pendedahan dan IC Interpretasi 9: Penaksiran Semula Derivatif Terbenam
Pindaan-pindaan kepada FRS-FRS 'Memperbaik FRS-FRS (2009)'
IC Interpretasi 9: Penaksiran Semula Derivatif Terbenam
IC Interpretasi 10: Laporan Kewangan Interim dan Rosotnilai
IC Interpretasi 11: FRS 2 – Kumpulan dan Transaksi Saham Perbendaharaan
IC Interpretasi 13: Program Kesetiaan Pelanggan
IC Interpretasi 14: FRS 119 – Had kepada Aset Manfaat Dikenalpasti, Keperluan Dana Minimum dan Interaksinya
IC Interpretasi 201: Perbelanjaan Permulaan dan Sebelum Operasi
TR i-3: Pembentangan Penyata Kewangan Institusi Kewangan Islam

Berkuatkuasa dari tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Mac 2010:

Pindaan-pindaan kepada FRS 132: Instrumen Kewangan: Pembentangan

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.)

31 DISEMBER 2009

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.3 Dasar-Dasar dan Interpretasi-Interpretasi Yang Telah Dikeluarkan tetapi Tidak Dilaksanakan (samb.)

Berkuatkuasa dari tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Julai 2010:

FRS 1:	Penggunaan Pertama Kali Piawai Pelaporan Kewangan
FRS 3:	Penggabungan Perniagaan (disemak semula)
FRS 127:	Laporan Kewangan Disatukan dan Diasingkan (dipinda)
Pindaan-pindaan kepada FRS 2:	Bayaran Berasaskan Saham
Pindaan-pindaan kepada FRS 5:	Aset-aset Bukan Semasa Dipegang untuk Jualan dan Operasi yang Dihentikan
Pindaan-pindaan kepada FRS 138:	Aset Tidak Ketara
Pindaan-pindaan kepada IC Interpretasi 9:	Penaksiran Semula Derivatif Terbenam
IC Interpretasi 12:	Pengaturan Konsesi Perkhidmatan
IC Interpretasi 15:	Perjanjian untuk Pembinaan Harta Tanah
IC Interpretasi 16:	Lindung Nilai terhadap Pelaburan Bersih dalam Operasi Asing
IC Interpretasi 17:	Pengagihan Aset Bukan Tunai kepada Para Pemilik

Berkuatkuasa dari tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2011:

Pengecualian Terhadap daripada FRS 7 Pendedahan bagi Pengguna Pertama Kali (Pindaan kepada FRS 1)
Memperbaiki Pendedahan untuk Instrumen Kewangan (Pindaan kepada FRS 7)

Kumpulan dan Syarikat merancang untuk mengguna pakai pengumuman yang dinyatakan di atas apabila mereka menjadi efektif dalam tempoh kewangan masing-masing.

FRS yang baru, Pindaan-pindaan kepada FRS dan Interpretasi-Interpretasi di atas dijangkakan tidak mempunyai kesan yang ketara kepada penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat ketika penggunaan permulaannya kecuali yang dinyatakan di bawah:

FRS 3: Penggabungan Perniagaan (disemak semula) dan FRS 127: Laporan Kewangan Disatukan dan Diasingkan (dipinda)

FRS 3 (disemak semula) memperkenalkan beberapa perubahan kepada perakaunan untuk penggabungan perniagaan yang berlaku pada atau selepas 1 Julai 2010. Ini termasuk perubahan yang mempengaruhi penilaian kepentingan tanpa kawalan, perakaunan untuk kos transaksi, pengiktirafan permulaan dan penilaian kemudiannya balasan luarjangka dan penggabungan perniagaan yang dicapai dalam peringkat. Perubahan-perubahan tersebut akan mempunyai kesan ke atas jumlah muhibah yang diiktiraf, keputusan yang dilaporkan dalam tempoh pengambilalihan dan keputusan yang dilaporkan pada masa depan.

FRS 127 (dipinda) memerlukan perubahan dalam pemilikan kepentingan dalam subsidiari (tanpa kehilangan kawalan) dinyatakan sebagai transaksi dengan pemilik dalam keupayaan mereka sebagai pemilik dan dicatatkan dalam ekuiti. Oleh itu, transaksi begitu tidak akan menimbulkan muhibah ataupun keuntungan atau kerugian. Lagipun, FRS disemak semula ini mengubah kaedah perakaunan bagi kerugian daripada subsidiari dan kehilangan kawalan ke atas subsidiari.

Perubahan dari FRS 3 (disemak semula) dan FRS 127 (dipinda) akan diguna pakai secara prospektif dan hanya mempunyai kesan kepada pengambilalihan atau kehilangan kuasa ke atas subsidiari dan transaksi dengan kepentingan tanpa kawalan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.)

31 DISEMBER 2009

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.3 Dasar-Dasar dan Interpretasi-Interpretasi Yang Telah Dikeluarkan tetapi Tidak Dilaksanakan (samb.)

FRS 8: Segmen Operasi

FRS 8 menggantikan FRS 114²⁰⁰⁴: Laporan Segmen dan memerlukan "pendekatan pengurusan", di mana maklumat segmen dibentangkan atas dasar yang sama untuk penggunaan laporan dalaman. Oleh yang demikian, laporan segmen luaran Kumpulan akan berdasarkan laporan dalaman kepada 'ketua pemberi keputusan operasi', yang membuat keputusan ke atas peruntukan sumber dan menilai prestasi segmen yang boleh dilapor. Oleh kerana ini adalah piawaian pendedahan, ia tidak mempunyai kesan kepada kedudukan atau hasil kewangan Kumpulan.

FRS 101: Pembentangan Laporan Kewangan (disemak semula)

FRS 101 disemak semula mengasingkan perubahan pemilik dan bukan pemilik dalam ekuiti. Oleh itu, penyata perubahan dalam ekuiti yang disatukan hanya memasukkan butiran-butiran tentang transaksi-transaksi dengan pemilik. Semua perubahan dalam ekuiti bukan pemilik dinyatakan sebagai jumlah pendapatan komprehensif. Selain daripada itu, FRS ini juga mengemukakan penyata pendapatan komprehensif yang membentangkan semua butiran pendapatan dan perbelanjaan yang diiktiraf dalam penyata pendapatan bersama dengan semua butiran pendapatan dan perbelanjaan yang lain, samada dalam satu penyata atau dua penyata yang berkaitan. Kumpulan sedang mengenal pasti format untuk diguna pakai. Di samping itu, laporan kedudukan kewangan diperlukan pada permulaan tempoh perbandingan terawal berikutan perubahan dalam dasar perakaunan, pembedahan terhadap kesilapan atau klasifikasi semula butiran dalam laporan kewangan. FRS disemak semula ini tidak ada sebarang kesan kepada kedudukan kewangan dan keputusan Kumpulan dan Syarikat.

FRS 139: Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Penilaian, FRS 7: Instrumen Kewangan: Pendedahan dan Pindaan-pindaan kepada FRS 139: Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Penilaian dan FRS 7: Instrumen Kewangan: Pendedahan

FRS 139: Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Penilaian mewujudkan prinsip untuk mengiktiraf dan menilai aset kewangan, liabiliti kewangan dan beberapa kontrak untuk membeli dan menjual butiran tidak bersifat kewangan. Keperluan untuk membentangkan maklumat tentang instrumen kewangan terdapat dalam FRS 132: Instrumen Kewangan: Pembentangan dan keperluan untuk mendedahkan maklumat berkenaan instrumen kewangan terdapat dalam FRS 7: Instrumen Kewangan: Pendedahan.

FRS 7: Instrumen Kewangan: Pendedahan adalah FRS yang baru yang memerlukan pendedahan yang baru berkaitan dengan instrumen kewangan. FRS ini mengakibatkan pendedahan tambahan, kedua-dua kuantitatif dan kualitatif risiko pendedahan Kumpulan dan Syarikat, menambah nilai pendedahan berkenaan dengan komponen kedudukan kewangan dan prestasi Kumpulan dan Syarikat, dan perubahan yang mungkin terhadap cara pendedahan butiran-butiran tertentu dalam penyata kewangan.

Menurut peruntukan peralihan masing-masing, Kumpulan dan Syarikat adalah dikecualikan daripada membentangkan kesan kepada penyata kewangan yang mungkin timbul daripada penggunaan permulaan.

Pindaan-pindaan kepada FRS 1: Penggunaan Pertama Kali Piawaian Pelaporan Kewangan dan FRS 127: Laporan Kewangan Disatukan dan Diasingkan: Kos Pelaburan di dalam Subsidiari, Entiti Dikawal Bersama atau Syarikat Bersekutu

Pindaan kepada FRS 1 membenarkan pengguna pertama kali untuk mengguna kos, ditentukan menurut FRS 127, atau anggapan kos untuk nilai wajar (menurut FRS 139) atau nilai dibawa di bawah amalan perakaunan dahulu untuk menilai kos permulaan pelaburan dalam subsidiari, entiti dikawal bersama dan syarikat bersekutu dalam lembaran imbalan FRS pembukaan yang diasingkan. Dalam pindaan kepada FRS 127, tidak terdapat pembezaan antara dividen sebelum dan selepas pengambilalihan. Pindaan tersebut juga memerlukan kos pelaburan syarikat induk dalam satu kumpulan (dalam penyusunan semula yang memenuhi kriteria tertentu) dinilai pada nilai dibawa bahagian ekuitinya seperti yang dinyatakan dalam penyata kewangan syarikat induk dahulu yang diasingkan. Pindaan tersebut juga menyingkirkan definisi kaedah kos daripada FRS 127 yang akan diguna pakai secara retrospektif dan hanya memberi kesan kepada penyata kewangan Syarikat dan tidak memberi kesan kepada penyata kewangan Kumpulan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.)

31 DISEMBER 2009

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.3 Dasar-Dasar dan Interpretasi-Interpretasi Yang Telah Dikeluarkan tetapi Tidak Dilaksanakan (samb.)

Pindaan-pindaan kepada FRS-FRS 'Memperbaik FRS-FRS (2009)'

- (a) FRS 8 Segmen Operasi: Menjelaskan maklumat segmen berkenaan dengan jumlah aset hanya dikehendaki jika mereka dimasukkan dalam penilaian keuntungan atau kerugian segmen yang digunakan oleh 'ketua pemberi keputusan operasi'.
- (b) FRS 107 Penyata Aliran Tunai: Menjelaskan hanya perbelanjaan yang mengakibatkan pengiktirafan aset dalam penyata kedudukan kewangan boleh diklasifikasikan sebagai aktiviti pelaburan dalam penyata aliran tunai.
- (c) FRS 108 Polisi Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan: Menjelaskan hanya panduan pelaksanaan yang merupakan sebahagian FRS yang perlu adalah mandatori apabila memilih polisi perakaunan.
- (d) FRS 117 Pajak: Menjelaskan klasifikasi pajak tanah dan bangunan. Kumpulan sedang menaksir implikasi berpotensi dari pengkelasan pajak tanah yang belum tamat tempoh sebagai pajak operasi atau kewangan. Bagi unsur tanah yang dipegang sebagai pajak operasi yang perlu diklasifikasi sebagai pajak kewangan, Kumpulan akan mengiktiraf aset dan liabiliti yang berkaitan dalam penyata kewangan yang akan diguna pakai secara retrospektif pada penggunaan permulaan. Walau bagaimanapun, menurut peruntukan peralihan, Kumpulan dibenarkan menaksir semula klasifikasi pajak berdasarkan fakta-fakta dan keadaan yang wujud pada tarikh Kumpulan melaksanakan pindaan-pindaan; dan mengiktiraf aset dan liabiliti yang berkaitan dengan pajak tanah yang baru diklasifikasi sebagai pajak kewangan pada nilai wajarnya pada tarikh tersebut; sebarang perbezaan di antara nilai-nilai wajar diiktiraf dalam keuntungan terkumpul. Kumpulan sedang menaksir kesan daripada pindaan tersebut.
- (e) FRS 123 Kos Pinjaman: Definisi kos pinjaman diselaraskan dengan FRS 139 dengan merujuk kepada penggunaan kadar faedah efektif sebagai komponen kos pinjaman.
- (f) FRS 127 Penyata Kewangan Disatukan dan Diasingkan: Pindaan menjelaskan apabila syarikat induk mengambilkira subsidiari pada nilai wajar menurut FRS 139 dalam penyata kewangan yang diasingkan, kaedah tersebut diteruskan apabila subsidiari kemudiannya diklasifikasi sebagai dipegang untuk jualan.
- (g) FRS 128 Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu: Menjelaskan apabila syarikat bersekutu diambilkira pada nilai wajar menurut FRS 139, hanya keperluan FRS 128 untuk mendedahkan sifat dan takat sebarang sekatan yang ketara ke atas keupayaan syarikat bersekutu untuk memindah dana kepada pelabur dalam bentuk tunai atau pembayaran balik pinjaman diguna pakai. FRS tersebut selanjutnya menjelaskan pelaburan dalam syarikat bersekutu diambilkira sebagai satu aset bagi tujuan pemeriksaan rosotnilai. Oleh itu, sebarang kerugian rosotnilai tidak diperuntukkan dengan asing kepada muhibah yang termasuk dalam baki pelaburan.
- (h) FRS 131 Kepentingan Dalam Usaha Sama: Pindaan menjelaskan apabila usaha sama diambilkira pada 'nilai wajar melalui keuntungan atau kerugian', menurut FRS 139, hanya keperluan FRS 131 untuk mendedahkan komitmen usahawan dan usaha sama, berserta dengan maklumat kewangan ringkas tentang aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan akan diguna pakai.
- (i) FRS 136 Rosotnilai Aset: Menjelaskan apabila aliran tunai yang didiskaunkan digunakan untuk menganggarkan 'nilai wajar tolak kos jualan' pendedahan tambahan diperlukan untuk kadar diskaun, selaras dengan pendedahan yang diperlukan apabila aliran tunai yang didiskaunkan digunakan untuk menganggarkan 'nilai dalam kegunaan'. Pindaan tersebut selanjutnya menjelaskan unit janaan tunai ('UJT') yang terbesar untuk kumpulan UJT kepada mana muhibah patut diperuntukkan bagi tujuan pemeriksaan rosotnilai adalah satu operasi segmen yang dijelaskan dalam FRS 8.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.)

31 DISEMBER 2009

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

2.3 Dasar-Dasar dan Interpretasi-Interpretasi Yang Telah Dikeluarkan tetapi Tidak Dilaksanakan (samb.)

Interpretasi IC 9: Penaksiran Semula Derivatif Terbenam dan Pindaan-pindaan kepada Interpretasi IC 9: Penaksiran Semula Derivatif Terbenam

